



D.R. 21 TAHUN 2023

DEWAN RAKYAT PARLIMEN KELIMA BELAS

PENGGAL KEDUA



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS WANITA, KANAK-KANAK  
DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT**

**STATUS TERKINI DAN HALA TUJU  
JABATAN PEMBANGUNAN KANAK-KANAK**

## KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
• Kandungan	i
• Lampiran	ii
• Glosari	iii
<b><u>BAHAGIAN I</u></b> <b><i>Pengenalan</i></b>	
• Jawatankuasa dan Terma Rujukan	1
• Pendekatan Tugas Kerja	3
<b><u>BAHAGIAN II</u></b> <b><i>Latar Belakang Status Terkini dan Hala Tuju Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak</i></b>	
• Latar Belakang Status Terkini dan Hala Tuju Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak	4
<b><u>BAHAGIAN III</u></b> <b><i>Pembentangan Oleh Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak</i></b>	
• Pembentangan oleh Jabatan Pembangunan Kanak-kanak	5
<b><u>BAHAGIAN IV</u></b> <b><i>Pemerhatian, Penelitian dan Syor Jawatankuasa</i></b>	
• Pemerhatian, Penelitian dan Syor Jawatankuasa	7
<b><u>BAHAGIAN V</u></b> <b><i>Rumusan Jawatankuasa</i></b>	
• Rumusan Jawatankuasa	9
<b><u>BAHAGIAN VI</u></b> <b><i>Penghargaan</i></b>	
• Penghargaan	10

## **LAMPIRAN**

**Lampiran A :** Pembentangan berkenaan status terkini dan hala tuju Jabatan Pembangunan Kanak-kanak (JPKK), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

## **GLOSARI**

BKK	Bahagian Kanak-kanak
DR	Dewan Rakyat
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKPK	Jawatankuasa Pilihan Khas
JPKK	Jabatan Pembangunan Kanak-kanak
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
KBS	Kementerian Belia dan Sukan
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KKDW	Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
KPWKM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
KPN	Kementerian Perpaduan Negara
NGO	Non-Governmental Organization
OCC	Office of the Children's Commissioner
PAC	Public Accounts Committee
P&P	Pengurusan dan Profesional
RUU	Rang Undang-Undang
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia

## **BAHAGIAN I**

### **PENGENALAN**

#### **Jawatankuasa dan Terma Rujukan**

1. Dewan Rakyat pada hari Selasa, 21 Mac 2023 telah meluluskan usul Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) berkenaan penubuhan 10 Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat (JKPK DR). Salah satu JKPK ialah Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat (DR.2 Tahun 2023).
2. Terma rujukan yang telah diluluskan adalah seperti berikut:
  - (a) Tempoh perkhidmatan Jawatankuasa ini berkuat kuasa mulai tarikh perintah Majlis sehingga tamat tempoh Parlimen ke-15 atau sehingga Jawatankuasa ini dibubarkan mengikut perintah Majlis, mengikut mana yang terdahulu.
  - (b) Jawatankuasa ini berfungsi untuk:
    - i. meneliti rang undang-undang yang telah dibawa untuk bacaan pertama di Dewan Rakyat berkaitan dengan hal ehwal wanita, kanak-kanak, belia, orang kurang upaya, orang asli dan pembangunan masyarakat di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perpaduan Negara dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah serta agensi-agensi di bawahnya;
    - ii. meneliti usul, rang undang-undang persendirian, petisyen dan laporan yang berkaitan dengan hal ehwal wanita, kanak-kanak, belia, orang kurang upaya, orang asli dan pembangunan masyarakat di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perpaduan Negara dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah serta agensi-agensi di bawahnya;
    - iii. menyiasat dan melaporkan apa-apa perkara yang berkaitan dengan hal ehwal wanita, kanak-kanak, belia, orang kurang upaya, orang asli dan pembangunan masyarakat di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perpaduan Negara dan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah serta agensi-agensi di bawahnya; atau
    - iv. melaksanakan apa-apa perkara yang diserahkan kepadanya oleh Menteri atau Majlis.

(c) Apa-apa perkara yang dibincangkan di perenggan (a) tidak boleh melibatkan perkara yang telah, sedang atau akan dibincangkan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC).

(d) Kuasa Memanggil

Peraturan Mesyuarat 83(2) memperuntukkan kuasa kepada Jawatankuasa ini untuk memanggil mana-mana orang termasuklah orang yang mempunyai kepakaran dan kemahiran hadir di hadapannya atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat dari satu masa ke satu masa bagi maksud melaksanakan segala fungsinya sebagaimana yang dinyatakan dalam Terma Rujukan di atas.

(e) Penyata Jawatankuasa

Peraturan Mesyuarat 86 memperuntukkan supaya Jawatankuasa ini menyiapkan dan membentangkan penyata Jawatankuasa ini yang mengandungi syor-syor berkaitan dan penyata Jawatankuasa ini hendaklah dikemukakan kepada Majlis Mesyuarat.

(f) Kuasa Yang di-Pertua Dewan Rakyat

Sekiranya timbul apa-apa perkara berbangkit dalam perjalanan mesyuarat Jawatankuasa ini termasuk perkara berhubung kuasa memanggil orang hadir di hadapan Jawatankuasa ini atau meminta dikeluarkan dokumen atau maklumat yang berkaitan, Yang di-Pertua Dewan Rakyat boleh mengeluarkan apa-apa arahan yang difikirkan wajar dari semasa ke semasa dan arahan Yang di-Pertua Dewan Rakyat tersebut adalah muktamad.

3. Jawatankuasa Pemilihan telah membentangkan penyatannya dan mengemukakan senarai Ahli-Ahli JKPK DR pada hari Khamis, 4 April 2023 (DR.3 Tahun 2023). Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat terdiri daripada:

- i. Yang Berhormat Puan Yeo Bee Yin  
(Ahli Parlimen Puchong merangkap Pengerusi)
- ii. Yang Berhormat Puan Syerleena binti Abdul Rashid  
(Ahli Parlimen Bukit Bendera)
- iii. Yang Berhormat Datuk Suhaimi bin Nasir  
(Ahli Parlimen Libaran)
- iv. Yang Berhormat Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli  
(Ahli Parlimen Batang Lupar)
- v. Yang Berhormat Puan Hajah Rodziah binti Ismail  
(Ahli Parlimen Ampang)

- vi. Yang Berhormat Datuk Wetrom bin Bahanda  
(Ahli Parlimen Kota Marudu)
- vii. Yang Berhormat Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff  
(Ahli Parlimen Rantau Panjang)
- viii. Yang Berhormat Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi  
(Ahli Parlimen Tumpat)
- ix. Yang Berhormat Dr. Hajah Halimah Ali  
(Ahli Parlimen Kapar)

### **Pendekatan Tugas Kerja**

- 4. Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat telah melantik *ex-officio* daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Perpaduan Negara, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dan Pejabat Pesuruhjaya Kanak-kanak (OCC) untuk memberikan nasihat kepada ahli-ahli Jawatankuasa.
- 5. Jawatankuasa ini telah mengadakan 2 mesyuarat, seperti yang berikut:
  - (a) Mesyuarat pertama pada hari Khamis, 2 November 2023 dengan memanggil Jabatan Pembangunan Kanak-kanak (JPKK) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk memberi taklimat kepada Jawatankuasa berkenaan status terkini dan hala tuju JPKK seperti di **Lampiran A**.
  - (b) Mesyuarat kedua pada hari Khamis, 23 November 2023 telah diadakan bagi membincangkan dan memuktamadkan draf penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat mengenai status terkini dan hala tuju JPKK.

## **BAHAGIAN II**

### **LATAR BELAKANG STATUS TERKINI DAN HALA TUJU**

#### **JABATAN PEMBANGUNAN KANAK-KANAK (JPKK)**

1. Mesyuarat Jawatankuasa Bilangan 12 Tahun 2023 telah diadakan pada hari Khamis, 2 November 2023. Jawatankuasa ini telah mendengar taklimat mengenai status terkini dan hala tuju Jabatan Pembangunan Kanak-kanak (JPKK), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).
2. Mesyuarat Jawatankuasa Bilangan 14 Tahun 2023 telah diadakan bagi membincangkan dan memuktamadkan draf penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat mengenai status terkini dan hala tuju JPKK.



## **BAHAGIAN III**

### **PEMBENTANGAN OLEH JABATAN PEMBANGUNAN KANAK-KANAK**

Ringkasan pembentangan oleh Jabatan Pembangunan Kanak-kanak (JPKK) kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat berkenaan status terkini dan hala tuju JPKK pada Mesyuarat Jawatankuasa Bilangan 12 adalah seperti berikut:

1. Dalam Pembentangan Belanjawan 2023 pada 24 Februari 2023, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan tentang Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mewujudkan JPKK di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).
2. Tujuan penubuhan JPKK adalah untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kanak-kanak yang dilaksanakan oleh Bahagian Kanak-Kanak (BKK), JKJ, pada masa ini meliputi aspek perlindungan, pemulihan, pencegahan, pembangunan dan pengintegrasian kanak-kanak.
3. JPKK mempunyai 3 fasa, seperti berikut:
  - 3.1 Fasa pertama (2023): JPKK telah ditubuhkan secara rasminya pada 1 September 2023. Dengan penubuhan ini, BKK, JKJ secara rasminya telah ditukar nama kepada JPKK.
  - 3.2 Fasa kedua (2024-2025): JPKK akan meminda beberapa akta berkaitan kanak-kanak, seperti berikut:
    - i. 6 akta di bawah KPWKM iaitu:
      - (a) Akta Kanak-kanak 2001;
      - (b) Akta Pusat Jagaan 1993;
      - (c) Akta Taman Asuhan 1984;
      - (d) Akta Keganasan Rumah Tangga 1994;
      - (e) Akta Orang Papa 1977; dan
      - (f) Akta Orang Kurang Upaya 2008.
    - ii. 2 akta di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) atau lebih khusus Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), iaitu:
      - (a) Akta Pengangkatan; dan
      - (b) Akta Pendaftaran Pengangkatan.
  - 3.3 Fasa ketiga (2026): JPKK akan diasingkan dan menjadi salah sebuah agensi di bawah KPWKM (tidak lagi di bawah JKJ).

4. Sebelum penubuhan JPKK, pegawai sedia ada di bawah BKK ialah 491 pegawai tetap termasuk 71 Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P: Gred 41 dan ke atas) dan 420 kakitangan Kumpulan Pelaksana (Gred S40 ke bawah) serta 448 kakitangan lantikan kontrak (S29) menjadikan jumlah keseluruhan kakitangan sebanyak 939 orang.
5. Sejak penubuhan, JPKK tidak menerima sebarang peruntukan bajet tambahan. Justeru, pada tahun 2024, JPKK akan membuat kertas Dasar Bajet 2025.
6. Pada masa ini, terdapat 35 orang kakitangan di BKK yang berpangkalan di ibu pejabat yang terdiri daripada 25 orang pegawai Kumpulan P&P dan 10 orang kakitangan Kumpulan Pelaksana. JPKK juga akan mendapat pertambahan 6 orang pegawai Kumpulan P&P di dalam skim 'S' dan 9 perjawatan dalam lain-lain skim, menjadikan jumlah keseluruhan kakitangan adalah 50 orang.
7. JPKK menjangkakan jumlah pertambahan bilangan kakitangan JPKK adalah seramai 965 orang dari tahun 2023 hingga 2025 menjadikan jumlah kakitangan adalah sebanyak 1,904 orang.
8. Dengan itu, menjelang 2026, nisbah pegawai mengendalikan kes kanak-kanak akan ditambah baik iaitu daripada 1:108 kepada 1:30 setahun.
9. Pegawai Kebajikan Masyarakat di Sabah dan Sarawak masih menghadapi cabaran kekurangan kakitangan di mana setiap JKM Bahagian perlu menguruskan beberapa daerah.

## **BAHAGIAN IV**

### **PEMERHATIAN, PENELITIAN DAN SYOR JAWATANKUASA**

Setelah mendengar pembentangan oleh JPKK, maka Jawatankuasa mengemukakan penemuan dan syor-syor seperti berikut:

1. Jawatankuasa mengambil maklum walaupun telah ditubuhkan pada 1 September 2023, JPKK tidak menerima sebarang peruntukan.
2. Jawatankuasa mengambil maklum keperluan sumber kewangan JPKK, di mana Dasar Bajet 2025 akan disediakan dengan mengambil kira penyewaan premis pejabat JPKK Negeri dan daerah/jajahan/bahagian bagi menyediakan ruang pejabat yang kondusif serta peralatan pejabat untuk warga kerja JPKK.
3. Jawatankuasa mengambil maklum tentang keperluan pembangunan kapasiti pegawai Kontrak S41 di setiap daerah.
4. Jawatankuasa mengesyorkan Kementerian Kewangan untuk memberi sumber kewangan yang mencukupi supaya JPKK boleh beroperasi secara optimum.
5. Jawatankuasa mengesyorkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mewujudkan di setiap JPKK daerah/jajahan/bahagian sekurang-kurangnya seorang pegawai Kumpulan P&P lantikan tetap untuk memastikan kesinambungan penyampaian perkhidmatan.
6. Jawatankuasa mengesyorkan KPWKM untuk membentangkan pindaan di Parlimen untuk 6 akta di bawah JKM, iaitu:
  - i. Akta Kanak-kanak 2001;
  - ii. Akta Pusat Jagaan 1993;
  - iii. Akta Taman Asuhan 1984;
  - iv. Akta Keganasan Rumah Tangga 1994;
  - v. Akta Orang Papa 1977; dan
  - vi. Akta Orang Kurang Upaya 2008.
7. Jawatankuasa mengesyorkan KDN untuk membentangkan pindaan di Parlimen untuk 2 akta di bawah JPN, iaitu:
  - i. Akta Pengangkatan; dan
  - ii. Akta Pendaftaran Pengangkatan.

8. Jawatankuasa mengesyorkan Perkara 6 dan 7 di atas perlu dilaksanakan serentak dalam tempoh 2 tahun (2024 – 2025).
9. Bagi memastikan kepentingan dan kesejahteraan kanak-kanak terpelihara, Jawatankuasa menggesa Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk memberi keutamaan kepada JPKK dan memastikan Perkara 6, 7 dan 8 di atas terlaksana.

## **BAHAGIAN V**

### **RUMUSAN JAWATANKUASA**

Secara keseluruhannya, penubuhan JPKK adalah langkah permulaan yang betul ke arah mengangkat kesejahteraan dan kepentingan kanak-kanak. Dengan itu, semua pihak di Kerajaan Madani perlu memberi komitmen sepenuhnya untuk memastikan kejayaan JPKK.

## **BAHAGIAN VI**

### **PENGHARGAAN**

Jawatankuasa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat dan juga kepada Kementerian/jabatan/agensi seperti berikut:

- i. Parlimen Malaysia;
- ii. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat;
- iii. Jabatan Pembangunan Kanak-kanak; dan
- iv. Jabatan Kebajikan Masyarakat

atas sumbangan yang diberikan untuk memastikan fungsi dan peranan Jawatankuasa ini dilaksanakan berlandaskan kepada terma rujukan selaras dengan tujuan penubuhannya.


**LAMPIRAN PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
WANITA, KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT**

**STATUS TERKINI DAN HALA TUJU  
JABATAN PEMBANGUNAN KANAK-KANAK**

<b>NO</b>	<b>LAMPIRAN</b>	<b>DRAF KERJA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>1</b>	<b>Lampiran A</b>	Pembentangan berkenaan status terkini dan hala tuju Jabatan Pembangunan Kanak-kanak (JPKK), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).	<b>1</b>








Jabatan Kebajikan Masyarakat

**TAKLIMAT BERKENAAN STATUS TERKINI  
DAN HALA TUJU  
JABATAN PEMBANGUNAN  
KANAK-KANAK (JPKK)**

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
WANITA, KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN  
MASYARAKAT**

**2 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)  
2.45 PETANG**



## LATAR BELAKANG


**1 Punca Kuasa**

Pembentangan **Belanjawan 2023** "Membangun Malaysia MADANI" pada **24 Februari 2023** oleh **YAB Perdana Menteri**:-

"Kerajaan Perpaduan sentiasa prihatin akan keselamatan masyarakat kita, terutamanya wanita dan kanak-kanak. Namun, permasalahan melibatkan wanita dan kanak-kanak masih dilihat membimbangkan saat ini. • Bahagian D11, Polis Diraja Malaysia akan bertindak lebih agresif dalam menyiasat kes-kes seksual, wanita dan kanak-kanak. Antaranya, sebuah pasukan khas di bawah D11 akan ditubuhkan khusus untuk membanteras aktiviti pornografi kanak-kanak dan bekerjasama dengan pelbagai agensi untuk mencari pelaku yang terlibat. • **Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan mewujudkan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk memberikan perkhidmatan sokongan lebih komprehensif kepada kanak-kanak**"


**2 Objektif Penubuhan JPKK**

Bertujuan untuk **mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kanak-kanak** yang dilaksanakan oleh Bahagian Kanak-Kanak, JKM pada masa ini meliputi **aspek perlindungan, pemulihan, pencegahan, pembangunan dan pengintegrasian kanak-kanak**



**KERATAN AKHBAR**

**Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak ditubuhkan berkuat kuasa 1 Sept - Nancy**



**Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak ditubuhkan**

**DATUK SERI NANCY SHUKRI**  
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat


**JABATAN PEMBANGUNAN KANAK-KANAK DITUBUHKAN**

**Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak sedang dibentuk, kata timbalan menteri**

**Jabatan pembangunan kanak-kanak kini di peringkat pembentukan – KPWKM**

**Jabatan Pembangunan Kanak-kanak ditubuh berkuat kuasa 1 Sept**

**Penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak dilaksana secara berperingkat - Nancy**



3



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

# KRONOLOGI PENUBUHAN

## JABATAN PEMBANGUNAN KANAK - KANAK (JPKK)

**Fasa Preliminary**  
Pengukuhan  
Bahagian Kanak - kanak  
**2022 - 2023**

**Fasa Kedua**  
JPKK di bawah  
JKM  
**2024 - 2025**

**2023**  
**Fasa Pertama**  
Penubuhan JPKK  
di bawah JKM pada  
1 September 2023

**2026**  
**Fasa Ketiga**  
JPKK akan diwujudkan  
sebagai sebuah Agensi  
di bawah KPWKM



4



## TINDAKAN YANG SEDANG DILAKSANAKAN OLEH JPCK

5

BIL.	PERKARA	PERNYATAAN
1.	<b>Mewujudkan Jawatankuasa Kecil di bawah MKBKK</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Dokumentasi dan Pendidikan</li> <li>▪ Penjagaan Kesihatan</li> <li>▪ Pembangunan dan Penyelidikan</li> <li>▪ Advokasi dan Kesejahteraan Sosial</li> <li>▪ Keselamatan dan Penguatkuasaan</li> </ul>
2.	<b>Mewajibkan Ibu bapa Pelihara dan OYLS</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Ujian <b>Psikometrik TAJMA</b> yang bertujuan untuk melihat kesesuaian ibu bapa peliharaan dalam aspek penjagaan, pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak dengan lebih jelas dan terperinci</li> </ul>
3.	<b>Memperkasakan Kanak-Kanak</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Melaksanakan <b>Program Advokasi Perlindungan Kanak-Kanak: KASIH Kanak-Kanak</b></li> <li>▪ Kerjasama strategik KPWKM bersama agensi yang lain seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, bersama-sama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)</li> <li>▪ <b>Program Kesedaran</b> Terhadap Hukuman ke atas Pendera Kanak-Kanak</li> <li>▪ Menjalankan program/aktiviti advokasi bagi <b>pendaftaran TASKA</b></li> </ul>
4.	<b>Mewujudkan perjawatan Kontrak S41</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Bagi <b>mengetuai JPCK</b> di peringkat daerah/ jajahan/ bahagian</li> </ul>

6

BIL.	PERKARA	PERNYATAAN
5.	Memperkasa <b>Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO)</b>	Seperti PPKK, PKKK dan Persatuan Penduduk untuk memainkan peranan <b>sebagai mata dan telinga</b> serta melapor dan bertindak
6.	<b>Penyelarasan Aset dan Harta Modal</b>	Penyelarasan <b>aset dan harta modal</b> bagi keperluan semasa dalam memantapkan fasiliti sedia ada
7.	<b>Mewujudkan Anjung Sinar</b>	<b>Dengan kerjasama YKN</b> bagi kanak-kanak lepasan institusi kanak-kanak yang tiada keluarga, mempunyai masalah dengan keluarga atau keluarga tidak menerima kanak-kanak
8.	<b>Pelaksanaan Praktis Kerja Sosial</b>	Sebagai <b>penanda aras</b> dalam menyampaikan perkhidmatan kanak-kanak dengan lebih cekap dan kompeten
9.	<b>Penambahbaikan eDKK</b>	Penambahbaikan Sistem Pendaftaran Pesalah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak ( <b>eDKK</b> )
10.	<b>Memperketatkan proses saringan</b>	Memperketatkan <b>proses saringan</b> untuk pengambilan pengasuh di TASKA dan Pusat Jagaan

7

  
 Jabatan Kebajikan Masyarakat

# PERANCANGAN DAN HALA TUJU JPKK

8

<b>SUMBER MANUSIA</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dengan pertambahan perjawatan kontrak seramai 965, dijangka pada tahun 2026 dengan nisbah mengendalikan kes kanak-kanak daripada 1:108 telah <b>menurun</b> kepada seorang pegawai mengendalikan 30 kes kanak-kanak (1:30) setahun.</li> </ul>
<b>PERUNDANGAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Akta dan Peraturan-Peraturan berkaitan akan dibuat semakan semula berdasarkan keperluan semasa dan kehendak pemegang taruh.</li> <li>Sehubungan itu, satu <i>Special Project Team</i> akan diwujudkan bagi menjadi lebih komprehensif dan sejajar dengan peredaran masa.</li> </ul>
<b>KEWANGAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dasar Bajet 2025 akan disediakan dengan mengambilkira penyewaan premis pejabat JPKK Negeri dan daerah/jajahan/bahagian bagi menyediakan ruang pejabat yang kondusif serta peralatan pejabat untuk warga kerja JPKK</li> </ul>
<b>LATIHAN</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perancangan latihan yang komprehensif dan berstruktur akan disediakan bagi memastikan semua pegawai kes kompeten dalam menguruskan pengendalian kes kanak-kanak</li> </ul>
<b>PEMERKASAAN KOMUNITI</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memperkasakan komuniti demi keselamatan dan kesejahteraan kanak-kanak di Malaysia</li> </ul>
<b>TALIAN KASIH</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penambahbaikan Talian Kasih dengan mewujudkan talian khas untuk kanak-kanak</li> </ul>
<b>TEKNOLOGI DAN DIGITAL</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memanfaatkan teknologi maklumat dan transformasi digital dalam perkhidmatan kanak-kanak bagi menangani isu dan cabaran semasa</li> </ul>





MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

LAPORAN PROSIDING

JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
WANITA, KANAK-KANAK DAN  
PEMBANGUNAN MASYARAKAT

---

1. TAKLIMAT BERKENAAN STATUS TERKINI DAN HALA TUJU JABATAN PEMBANGUNAN KANAK-KANAK OLEH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KANAK-KANAK DAN MASYARAKAT
  2. TAKLIMAT BERKENAAN STATUS TERKINI DAN HALA TUJU PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK DAN PROJEK RINTIS "*DIVERSION*" OLEH PEJABAT PESURUHJAYA KANAK-KANAK
- 

BIL. 12

KHAMIS, 2 NOVEMBER 2023

PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KELIMA BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
WANITA, KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT  
BIL. 12 TAHUN 2023**

**BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

**KHAMIS, 2 NOVEMBER 2023**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Puan Yeo Bee Yin [Puchong] *- Pengerusi*  
YB. Puan Syerleena binti Abdul Rashid [Bukit Bendera]  
YB. Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [Batang Lepar]  
YB. Puan Hajah Rodziah binti Ismail [Ampang]  
YB. Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]  
YB. Dato' Mumtaz binti Md Nawawi [Tumpat]  
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]

**Tidak Hadir**

YB. Datuk Wetrom bin Bahanda [Kota Marudu]  
YB. Datuk Suhaimi bin Nasir [Libaran]

**URUS SETIA**

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Penolong Setiausaha, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]  
Puan Rozana binti Abdullah [Pegawai Penyelidik, Seksyen Sosial dan Pembangunan Sumber Manusia (Bahagian Penyelidikan dan Perpustakaan), Parlimen Malaysia]  
Dr. Dina Miza binti Suhaimi [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]  
Puan Nur Farah binti Dzulkiffli [Pegawai Penyelidik, Seksyen Jawatankuasa Pilihan Khas (Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat), Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Ex officio**

YBrs. Puan Ramona binti Mohd Razali [Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), Kementerian Belia dan Sukan]  
YBrs. Tuan Chua Choon Hwa [Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat]  
Cik Nazlinda binti Zamani [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Perancangan Strategik), Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah]  
YBrs. Tuan Zulkifli bin Hashim [Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)]  
YBrs. Dr. Farah Nini binti Dusuki [Pesuruhjaya Kanak-kanak (CC), Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)]  
Puan Izyan Hazwani binti Ahmad [Ketua Penolong Setiausaha, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)]

**Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)**

Puan Fatimah Zuraidah binti Haji Salleh [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kolaborasi Strategik)]

**Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**

YBrs. Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain [Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)]

YBrs. Dr. Sopian bin Hj. Brahim [Pengarah]

Puan Misah binti Mamat [Ketua Penolong Pengarah]

Puan Sharifah Hafizah binti Saad Hassan [Penolong Pengarah Kanan]

Puan Wan Nor'ain binti Wan Mohd Salleh [Penolong Setiausaha]

---



## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS WANITA, KANAK-KANAK DAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT BIL. 12 TAHUN 2023

#### BILIK JAWATANKUASA 2, BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

KHAMIS, 2 NOVEMBER 2023

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.52 petang

[Yang Berhormat Puan Hajah Rodziah binti Ismail  
mempengerusikan Mesyuarat]

---

**Puan Hajah Rodziah binti Ismail [Ampang]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen dan juga ahli-ahli jawatankuasa dan jemputan. Saya ambil alih sekejap sebab Pengerusi belum sampai lagi tetapi kita dah cukup kuorum. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada semua yang hadir. Hari ini kita ada tiga pembentanganlah. Dua perkara besar. Pertama, tentang hala tuju kanak-kanak yang akan dibentang oleh JKM. Yang keduanya, kita ada jemputan daripada OCC. Saya harapkan beberapa perkara yang perlu kita laksanakan dalam masa 40 minitlah *insya-Allah*, kita nak tengok hala tuju JKM.

Tetapi sedikit *briefing*, beberapa ahli jawatankuasa hari itu telah pun dapat, ada kesempatan pergi ke New Zealand dan juga Sydney untuk melihat *best practices* yang mereka ada. Ini berkaitan dengan bagaimana kita nak buat *establishment of Children's Commissioner* ataupun isu-isu berkaitan dengan *children and young persons*-lah ya, *young people*, dalam menangani masalah kebajikan, fasal pembangunan masyarakat.

Jadi untuk itu saya – saya rasa semua kenal ahli mesyuarat? Kenal, *kan?* Berapa kali dah datang, *kan?* Jadi, kalau siapa yang akan bercakap kita mohon supaya tekan *mic* ini supaya semuanya akan direkodkan, akan menjadi *Hansard*-lah. Kalau tak tekan itu kalau nak *off-record* untuk beri maklumat yang tidak didaftarkan di dalam *Hansard*, boleh tak gunakan *mic*-lah, untuk pengetahuan ahli jawatankuasa. Jadi untuk itu, saya menjemput JKM untuk membentangkan perkara ini. Kita ada – kita mulakan pembentangan, lepas itu Yang Berhormat kalau ada yang nak bertanya, ahli-ahli jawatankuasa nak bertanya, silakan. Kita beri masa 10 minit untuk pertanyaan nanti. Okey, silakan.

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain [Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)]:** Okey, terima kasih kepada YB Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Saya Wan Noraidah Wan Mohd Zain, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Kebajikan Masyarakat akan bentangkan berkaitan dengan perancangan dan hala tuju Jabatan Pembangunan Kanak-kanak. *Okay, next slide.*

Okey, sepertimana yang kita sedia maklum, dalam pembentangan Belanjawan 2023 pada 24 Februari 2023 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan berkaitan dengan mewujudkan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk memberikan perkhidmatan sokongan yang lebih komprehensif kepada kanak-kanak. So, daripada punca kuasa tersebut, Jabatan Pembangunan Kanak-kanak ini ditubuhkan secara rasminya melalui surat yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 1 September 2023. Kita mendapat surat secara rasmi di mana Bahagian Kanak-kanak telah ditukar nama kepada Jabatan Pembangunan Kanak-kanak.

Seperti mana kita ketahui bahawa objektif Jabatan Pembangunan Kanak-kanak ini sebenarnya adalah untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kanak-kanak yang dilaksanakan oleh Bahagian Kanak-kanak dan berteraskan kepada lima teras utama perkhidmatan iaitu:

- (i) perlindungan;
- (ii) pemulihan;
- (iii) pencegahan;
- (iv) pembangunan; dan
- (v) pengintegrasian kanak-kanak.

Okey, seterusnya. Untuk slaid seterusnya. *Next slide.* Okey, dari segi kronologi penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak untuk makluman YB dan juga ahli mesyuarat, di mana kita telah mulakan *prelim*, fasa *prelim* pada tahun 2022 sehingga 2023 iaitu sebelum diumumkan secara rasminya di mana kita terlebih dahulu pergi kepada pengukuhan Bahagian Kanak-kanak. Kemudian secara rasminya seperti yang saya maklumkan, 1 September 2023 kita telah mendapat surat daripada pihak JPA memaklumkan berkaitan penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak. Sekarang ini, kita dalam fasa pertama di mana Bahagian Kanak-kanak telah ditukar kepada Jabatan Pembangunan Kanak-kanak dan usaha-usaha yang sedang kita lakukan sekarang ini.

Kemudian, fasa kedua dalam tempoh dua tahun iaitu bermula pada tahun hadapan 2024 sehinggalah 2025.

---

Seterusnya dijangkakan pada 2026, fasa ketiga di mana Jabatan Pembangunan Kanak-kanak akan diwujudkan sebagai sebuah agensi di bawah KPWKMLah. Kita memerlukan masa dalam tempoh dua tahun ini adalah kerana bila melibatkan kanak-kanak ini, untuk makluman YB dan juga Ahli Parlimen, dalam menguruskan kanak-kanak ini kita ada enam akta yang membabitkan kanak-kanak iaitu Akta Kanak-kanak 2001, Akta Pusat Jagaan 1993, Akta Taman Asuhan 1984. Kita juga ada Akta Keganasan Rumah Tangga, Akta Orang Papa 1977. Ini adalah akta-akta yang melibatkan juga kumpulan sasarannya adalah kanak-kanak.

Jadi, pindaan akta ini – itu akta yang ada dalam Jabatan Kebajikan Masyarakat kerana di dalam akta ini disebut sebagai Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat. Sedangkan bila kita tubuhkan JPCK, kita akan ada cadangannya untuk wujudkan Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kanak-kanak. So, dalam akta itu perlu dipindahkan. Itu satu.

Keduanya ada juga akta-akta lain yang berkaitan dengan kanak-kanak iaitu Akta Pengangkatan dan Akta Pendaftaran Pengangkatan di bawah Jabatan Pendaftaran Negara. So, ada akta-akta yang perlu dipinda. Jadi, itulah kenapa tahun 2026 kita jangkakan JPCK ini akan menjadi salah satu agensi di bawah KPWKML dan bukan lagi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakatlah.

Okey, seterusnya. Untuk makluman YB dan juga ahli mesyuarat, sekarang ini apa yang sedang kita lakukan di bawah JPCK ialah pertama, kita mewujudkan jawatankuasa kecil di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-kanak. Kalau sebelum ini kita tidak ada jawatankuasa kecil, tetapi melalui yang terbaru ini kita wujudkan Jawatankuasa Dokumentasi dan Pendidikan kerana ada isu-isu pendidikan kanak-kanak. Ini kita lantik, YB Menteri telah melantik Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menerajui Jawatankuasa Dokumentasi dan Pendidikan.

Seterusnya dari segi penjagaan kesihatan kanak-kanak. Ada isu berkaitan dengan penjagaan kesihatan kanak-kanak di mana ada ibu bapa yang tak nak memberi kebenaran kepada pihak kesihatan untuk suntikan vaksin dan sebagainya. Jadi, kita minta jawatankuasa ini diketuai oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

#### ■1500

Seterusnya dari segi pembangunan dan penyelidikan, di mana kita tahu dalam isu kanak-kanak ini, banyak perkara yang perlu kita buat kajian dan sebagainya. Ini diketuai oleh *academician* ya, akademik. Seterusnya Jawatankuasa Advokasi dan Kesejahteraan Sosial diketuai oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKML). Seterusnya isu keselamatan dan

---

penguatkuasaan; ini akan diketuai oleh Kementerian Dalam Negeri di mana isu sekarang ini ialah kanak-kanak yang berada di depot. Untuk makluman YB, dia bercampur dengan orang dewasa dan ada perkara-perkara yang perlu kita tengoklah dalam aspek kanak-kanak ini.

Seterusnya, mewajibkan ibu bapa pelihara dan orang yang layak dan sesuai. Okay, dua *terms* ini adalah ibu bapa pelihara dan orang yang layak dan sesuai; ini ada dalam Akta Kanak-kanak. Kalau sebelum ini kanak-kanak itu diserahkan kepada ibu bapa pelihara dan kepada orang yang layak dan sesuai tanpa melalui ujian apa-apalah. Kita menaruh kepercayaan kepada ibu bapa pelihara dan orang yang layak dan sesuai kerana kalau ibu bapa pelihara, dia memang memohon dengan JKM-lah untuk mendapatkan anak-anak untuk dijaga. Kita kalau sebelum ini kita luluskan berdasarkan kepada profil mereka; tak ada anak, mempunyai – berhasrat untuk ada anak dengan pendapatan yang mampu untuk menjaga kanak-kanak tersebut, tetapi kita dah tetapkan perlu menjalani ujian psikometrik TAJMA di mana ujian itu perlu dijalani oleh ibu bapa untuk melihat kesesuaian ibu bapa pemeliharaan itu dalam aspek penjagaan, pemeliharaan dan perlindungan kanak-kanak dengan lebih jelas dan terperinci.

So, kita tengok salah satu daripada – dia ada 12 *traits* dalam ujian psikometrik ini. Salah satunya ialah dari segi kestabilan emosi, kecelaruan mental. Kalau tinggi, kita perlu – kalau nak tempatkan kanak-kanak kepada ibu bapa tersebut, kita perlu fikirkan balikkah. Kita perlu tengok. So, ini yang antara penambahbaikan yang sedang kita laksanakan.

Seterusnya kita juga memperkasakan kanak-kanak. Sekarang ini kita telah mulakan Program Advokasi Perlindungan Kanak-kanak: Kasih Kanak-kanak dengan berbagai-bagai agensi yang utama iaitu PDRM, MCMC dan sebagainya. Di mana kalau untuk makluman YB semua, kalau kita tengok sekarang ini, kes kanak-kanak setiap hari *viral at least* – saya tengok sekarang ini lebih kurang tiga, empat kes di-*viral*-kan. Itu adalah satu petanda memang baguslah sebab masyarakat telah mula menyedari dan menyebarkan kepada kita untuk kita ambil tindakan dan sebagainya, tetapi kita dapati bahawa dia adalah apabila benda itu dah berlaku. Penderaan, pengabaian itu dah berlaku.

Jadi sekarang ini kalau berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat, kes banyak – dan pihak polis, kes banyak berlaku di dalam rumah dan dilakukan oleh ibu bapa kandung, oleh kawan-kawan keluarga, oleh adik-beradik, oleh saudaramara. Jadi perkara itu sangat – kita memerlukan satu *mechanism*-lah untuk mengatasi masalah ini. Kalau berdasarkan pada statistik, taska itu – penderaan yang berlaku di taska itu sangat rendahlah berbanding dengan di rumah.

---

Jadi di sini melalui kita memperkasakan kanak-kanak. Kalau YB semua ingat, ada satu kes adik Wildan yang daripada Sarawak itu, yang dia keluar daripada rumah untuk memaklumkan bahawa dia ini dah tak tahan lagi; tak diberi makan, didera oleh mak ayah. So, dia keluar daripada rumah, pergi ke rumah cikgu untuk memohon pertolongan.

So, sekarang ini kita nak – melalui program advokasi, kita dah memperkasakan kanak-kanak itu supaya dia tahu beza bahawa dia ini sebenarnya dianiayai, didera dan sebagainya. Dia perlu keluar untuk memohon pertolongan tetapi kita memerlukanlah kaedah-kaedah yang sesuai supaya dia tidak jatuh ke tangan orang yang tidak bertanggungjawablah di luar sana. Itu antara perkara yang kita sedang – selain daripada memperkasakan komuniti, kita juga akan memperkasakan kanak-kanak itu sendirilah untuk mengetahui bahawa dia dalam keadaan yang tak sepatutnya diperlakukan.

Okey seterusnya, kita juga akan memaklumkan atau menguar-uarkan untuk melaksanakan program advokasi ini terhadap hukuman ke atas pendera. Kalau kita tahu sekarang ini, masyarakat tak tahu sebenarnya apa hukuman kalau dia mendera kanak-kanak dan sebagainya. Sebenarnya berdasarkan kepada Akta Kanak-kanak, dia boleh dikenakan denda tidak melebihi daripada RM50,000 atau penjara 20 tahun atau kedua-duanya sekali ditambah dengan menyempurnakan bon dan juga melaksanakan program khidmat masyarakat (CSO). So, sekarang ini masyarakat tak tahu.

Saya lihat berdasarkan kepada laporan yang kita tengok daripada pihak polis. Kes Bella – Bainun yang telah mendera Bella telah dikenakan denda RM12,000 dan yang terbaru kes pasangan di Johor itu yang diselamatkan oleh jiran *kan*, telah diberi denda RM14,000. So, bermakna peningkatan denda itu makin menunjukkan peningkatanlah. Kita berharap selepas ini dalam pindaan akta nanti, kita akan tengok lagi untuk hukuman-hukuman yang lebih dapat memberikan – supaya tidak berlakulah kes-kes penderaan ini.

Okey, seterusnya untuk makluman YB dan juga ahli mesyuarat, kita juga telah berjaya mewujudkan perjawatan kontrak S41. Bila kita sebut S41 itu, S itu skim sosiallah. 41 itu adalah kumpulan pengurusan dan profesional di mana lepasan universiti untuk mengetuai Jabatan Pembangunan Kanak-kanak di peringkat daerah.

Kalau sebelum ini urusan perkhidmatan kanak-kanak diuruskan oleh Pegawai Kebajikan Masyarakat daerah, jajahan ataupun bahagian, tetapi dia terpaksa menyantuni semua lapan kumpulan sasaran di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Tetapi dengan adanya S41 khas untuk Jabatan Pembangunan Kanak-kanak, dia akan fokus kepada kanak-kanak. Jadi kumpulan sasaran dia hanyalah kanak-kanak

---

sahaja. Dari segi tugas dan sebagainya, memang mereka akan melaksanakan tugas-tugas pencegahan, advokasi selain daripada menyantuni kes-kes yang dirujuk kepada kita apabila berlaku penderaan dan sebagainya.

Jadi di sini, temu duga telah dilaksanakan. Dijangka akan berakhir pada bulan November ini, dalam 8, 9 November ini dan pengambilannya akan diuruskan oleh pihak SPA. Dijangka pada Mac, paling lewat Mac 2024, penempatan mereka akan berada di 105 daerah yang ada di Malaysia inilah, 105 daerah dan menguruskan kes-kes kanak-kanak secara khusus.

Okey, seterusnya kita juga memperkasakan organisasi dalam komuniti yang kita ringkaskan, kita panggil CBO di mana Pasukan Pelindungan Kanak-Kanak, Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak, persatuan penduduk. Kita bekerjasama dengan KKDW untuk menjadikan pengerusi persatuan penduduk itu sebagai ahli dalam pasukan pelindungan kita di peringkat daerah, di peringkat *grassroots level* untuk mainkan peranan sebagai mata dan telinga serta melapor dan juga bertindak. Di mana bukan setakat hanya melapor, bukan setakat hanya mata dan telinga tetapi juga mereka juga boleh didaftarkan sebagai Pembantu Pelindung mengikut Akta Kanak-kanak dan bertindak untuk menyelamatkan kanak-kanak tersebutlah, untuk membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Kemudian dalam masa yang sama juga, kita akan menguruskan aset dan harta modal bagi memastikan pada tahun 2026 itu, persediaan untuk menjadi Jabatan Pembangunan Kanak-kanak secara khususnya. Dalam tempoh sekarang ini juga, kita juga telah mewujudkan Anjung Sinar dengan kerjasama Yayasan Kebajikan Negara bagi kanak-kanak lepasan institusi kanak-kanak yang tiada keluarga, mempunyai masalah dengan keluarga ataupun keluarga tidak menerima kanak-kanak tersebut.

Untuk makluman YB dan ahli mesyuarat, kanak-kanak yang dimasukkan dalam institusi kanak-kanak ini, ada yang kes terdampar, ada yang terlibat dengan jenayah, ada yang mangsa dera dan sebagainya. Mereka ini – kalau sebelum ini mereka diuruskan oleh Lembaga Pelawat selepas keluar daripada institusi, tetapi dengan program Anjung Sinar ini dengan kerjasama Yayasan Kebajikan Negara, kita ada sediakan satu premis; premis kepada mereka sekiranya mereka tidak mempunyai keluarga. Sebab kita jangkakan bahawa kanak-kanak ini apabila mereka berusia lebih daripada 18 tahun tetapi dalam tempoh 18 hingga 21 tahun, itu adalah satu tempoh yang masih lagi *fragile*, yang perlu dibimbing lagi.

Jadi dengan program Anjung Sinar ini, selain daripada memberi penempatan sementara kepada mereka, dalam masa yang sama kita juga akan menguruskan dari segi penempatan pekerjaan dan juga untuk membina keyakinan merekalah

---

untuk diintegrasikan dalam masyarakat, untuk hidup dengan lebih sejahtera dalam masyarakat.

#### ■1510

Seterusnya dari segi praktis kerja sosial, kita tahu bahawa dalam menguruskan *client-client* jabatan khususnya kanak-kanak ini, kita ada sebenarnya, kita ada sistem pengurusan *client* yang kita amalkan berdasarkan pada praktis kerja sosial ya. Tetapi, dengan kekangan yang kita hadapi sebelum ini, kita tidak dapat merancang masa depan kanak-kanak itu. Kalau kanak-kanak di institusi, sepatutnya ketua institusi bersama dengan Pelindung atau Pegawai Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu merancang masa depan kanak-kanak terutamanya kanak-kanak yang tidak ada keluarga. Jadi di sini, dengan praktis kerja sosial ini, kita akan praktiskan sepenuhnya dalam pengurusan kes kanak-kanak. Kita berharap dengan adanya, apa nama, dari segi – sebenarnya untuk makluman ahli YB semua, kita tak ada pertambahan perjawatan sebenarnya pun. Diwujudkan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak, diumumkan tetapi tidak ada bajet diberikan kepada kita. Tetapi...

**Puan Hajah Rodziah binti Ismail:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Yang 41 itu?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Ya?

**Puan Hajah Rodziah binti Ismail:** Yang N41 tadi itu?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** S41 ini sebenarnya dia adalah untuk tambahan *post* sebelum ini – sebelum ini dalam tempoh lima tahun. Jadi, waktu itu hanya S29. Tetapi bila wujudnya Jabatan Pembangunan Kanak-kanak, kita berusaha untuk *nego* dengan JPA ini untuk tukar slot. Tukar slot itu bermakna S29 tukar kepada S41.

**Puan Hajah Rodziah binti Ismail:** Bilangan kekal, tapi perjawatan lain?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** *No, no.* Bilangan kurangnya. Sepatutnya 224 kita dapat, tapi bila kita tukar kepada 41, dia menjadi 145 orang. Macam itulah.

**Dato' Mumtaz binti Md Nawi [Tumpat]:** Berlaku pertambahan tak?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Tak. Dia berlakulah pertambahan kontrak ini daripada yang tetap, berlakulah, 145 ini.

**Dato' Mumtaz binti Md Nawi:** Saya nak tanya sikit saja Pengerusi. Kita nak tengok jabatan kanak-kanak, apa yang kita nak sebenarnya ialah suatu perubahan kepada *client* bukan hanya penerima BKK. Tapi, saya nampak tadi objektifnya adalah kepada penerima BKK. Jadi, bila cakap tentang penerima BKK, maka terus kepada perlindungan. Yang impian yang kami sebagai Ahli Parlimen nak Jabatan

---

Pembangunan Kanak-kanak ialah pembangunan kanak-kanak, kanak-kanak *as a whole* dan ianya dipandu oleh Dasar Kanak-kanak, bukan melihat kepada kanak-kanak sebagai *client*. So, saya rasa itu juga perlu dimaklumkan supaya kemudian hari bila ada perjawatan untuk kanak-kanak yang sebenar, hala tuju kena jelas. Bukan kanak-kanak sebagai *client* yang menjadi *so-called* "penerima", tapi kanak-kanak *as a whole*.

*For example*, kita lihat daripada sudut pembangunan kanak-kanak, kanak-kanak yang berbakat luar biasa. Okey, Kementerian Pendidikan tengok daripada sudut akademik. Kementerian Belia mungkin tengok daripada sudut sukan. Tapi kita sebagai yang menjaga kanak-kanak, melihat kanak-kanak sebagai satu aset yang sangat besar. So, kita kena ada *different view* kerana kanak-kanak yang berbakat besar, dia sama penting dengan kanak-kanak OKU, *need special attention, budget, equipment, training*. Jadi, ini kena *speciality* dekat situ. Yang pertama.

Yang kedua, sekarang ini 18 dah mengundi, 17 masih kanak-kanak. So, *it is* sangat tak – tak berapa kita panggil, tak berapa munasabah. Kita nak suruh dia mengundi umur 18, dengan 15 itu tak tahu apa-apa, *then* 18 kena buat. So, di mana perkara ini kita akan bawa ke dalam masyarakat? So, *I think this must* – kena bermula ketika mereka ini praremaja. Ini harus dikawal oleh pihak kerajaan supaya selari dengan Rukun Negara dan sebagainya berdasarkan kepada Dasar Kanak-kanak dan nilai keharmonian yang kita nak.

Jadi, kalau kita tumpu kepada penerima BKK, dia menjadi sangat sempit dan sangat bermasalah. Itu ertinya kita tidak – bukan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak; itu jabatan bantuan kanak-kanak. So, saya harap ini diperbetulkan daripada objektif awal pun supaya – saya faham, fasa pertama terpaksa tumpu kepada BKK untuk fasa ini, tetapi *for the next* fasa ataupun dalam gambar besar, kita kena beritahu awal bahawa *this is* Jabatan Pembangunan Kanak-kanak, *refer* kanak-kanak *as a whole*. Cuma untuk fasa pertama, *then* kita boleh pergi kepada BKK *and we accept* sebab mungkin bajet. *Wallahualam*.

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Terima kasih, YB. Saya bersetuju dan kita pun memang merangka ke arah itu YB kerana berdasarkan kepada Konvensyen Hak Kanak-kanak mengenai hak kanak-kanak, kita ada empat perkara utama iaitu kelangsungan hidup dia, *survival* dia. Keduanya, penyertaan dia. Ketiga, perlindungan. Keempat adalah dari segi perkembangan dia. Kita pun dalam tempoh dua tahun saya kata tadi dalam fasa kedua itu, ini yang kita akan buat *engagement* dengan YB-YB di peringkat apa nama, di peringkat lapangan nanti untuk bila kita buat persediaan itu, kita akan dapat *feedback*, maklum balas dan sebagainya. Tetapi betul YB, saya setuju. Sekarang ini nampaknya dia masih lagi

---



di dalam konteks Jabatan Kebajikan Masyarakat sebab penerimanya adalah kanak-kanak yang di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Cumanya, sekarang ini kita akan memperhebatkan dari segi advokasi yang melibatkan semua kanak-kanak. Di sekolah dan di kampung dan sebagainya.

**Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Sebab itu...

**Dato' Mumtaz binti Md Nawi:** Sebenarnya kita cadangkan hari itu sebenarnya Jabatan Pembangunan Kanak-kanak, dia kena letak di bawah LPPKN. Dia bukan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. So, jadi zalim kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dahlah kerja banyak, banjir lagi, COVID-19 lagi, segala benda dalam dunia ini semua bawah JKM. Jadi saya rasa kalau boleh, terus kita buat rangka itu. Cadangan daripada pihak kami, supaya kerajaan nampak bahawa sebenarnya ia di bawah LPPKN, keluarga. Dia bukan di bawah budak bermasalah yang perlu dibantu di bawah JKM. Itu *special treatment*. Itu ICU. Kita cakap ini bukan ICU, kanak-kanak biasa. So, ini *step* pertama.

Jadi, kena ada gambar besar dulu supaya kita nampak *the whole paradigm* yang mana kita nak pergi dan sekarang ini di peringkat mana supaya pihak kementerian dan kerajaan akan berfikir. *We are talking about*— dalam negara lain, *they have ministry of education*. Eh bukan, *ministry of kanak-kanak, for children, ministry of children*. Bukan satu negara, banyak negara. Jadi, banyak negara dah ada *ministry of children*. Kita baru ada Jabatan Pembangunan Kanak-kanak *and* kita kecilkan kepada ini, saya rasa kita kena dapat gambar besar supaya jelas. Jadi, kalau bentang kepada YB Menteri dan kepada orang lain pun — saya rasa itu pandangan daripada pihak kamilah. Terima kasih.

*[Puan Yeo Bee Yin (Puchong) mempengerusikan Mesyuarat]*

**Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]:** Pengerusi, saya rasa saya setuju sangatlah dengan apa tadi. Bila saya dengar pembentangan tadi, *it's another* apa, *of* JKM. *[Ketawa]* Tapi, dipanggil kanak-kanak. So, sedangkan kalau kita kira *proportion* kanak-kanak 18 tahun ke bawah itu dalam negara kita ini, berapa juta?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] 10 million.*

**Dr. Hajah Halimah Ali:** *Kan?* Jadi, *before you get deeper* dan lebih jauh, *you have to define* apa jabatan kanak-kanak. *What is it actually you mean. It's at the end of the day*, yang tadi YB Tumpat sebut itu, *maybe going to have ministry of kanak-kanak*. Itu dia punya *end* apa *kan, end line* itu. So...

**Puan Hajah Rodziah binti Ismail:** Sebenarnya...

---

**Dr. Hajah Halimah Ali:** ...saya rasa kena ada, sebab Pesuruhjaya Kanak-kanak pun ada dekat sini. *So, it's all about problems, problematic* apa *children*. *So*, yang majoriti adalah yang tak *problematic* untuk diselamat supaya dia jangan jadi *problem* dan *incur cost to the government*. *Prevention is better than cure*.

**Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Ya.

**Puan Hajah Rodziah binti Ismail:** Sebenarnya Pengerusi, saya sebenarnya saya tadi daripada awal, saya tak nampak struktur itu. Apa *structure* baharu ataupun perkara yang boleh kita tambah baik bila kita tangani masalah kanak-kanak ya. Kita cakap kanak-kanak dulu, tetapi nampaknya yang dibentangkan memang *zoomed* di bawah Jabatan Kebajikan punya *jurisdiction* saja. Betul tak? Itu pun kalau boleh, cuba bentangkan *you all* punya *preliminary*. Lepas itu sampai 2025 *and then towards the agency*, apa bentuk struktur yang kita nak bangunkan di dalam kita menangani kanak-kanak. Kalau boleh.

**Dr. Hajah Halimah Ali:** Saya rasa puncanya sebab dia orang tak dapat bajet baharu. Dia sembang, dia pusing sana, tarik sana, tarik sini.

**Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Saya pun nak tanya yang itu juga. *[Ketawa]*

**Dr. Hajah Halimah Ali:** *There is no new budget*.

**Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Sebab diisytiharkan tahun 2023 dan saya dah bertanya dalam Parlimen, memang tidak ada satu sen bajet. Kemudian, tahun ini pun tidak ada satu sen juga bajet. Jadi...

**Tuan Pengerusi:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] What's the new thing?*

**Dr. Hajah Halimah Ali:** *Nothing new*.

**Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Jadi, tak ada apa. Dia hanya tukar nama saja.

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Dari segi bajet, dari segi perjawatan...

**Puan Hajah Rodziah binti Ismail:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Perjawatan ada.

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** YB – YB Pengerusi – okey, dari segi perjawatan itu *alhamdulillah*. Walaupun kita mengguna yang sedia ada, S29, tapi kita dah tukar slot kepada S41 untuk menerajui kanak-kanak itu di peringkat daerah. Tapi cumanya – saya setuju semua pandangan yang diberikan itu tadi, tetapi macam saya kata tadilah, sebab kita ada apa, transisi perubahan itu. Pada tahun depan, kita akan buat *paper* dasar bajet untuk mohon dari segi perjawatan, dari segi peruntukan. Tetapi dari segi pengisian dia itu, kita akan berdasarkan kepada CRC

---

itulah supaya bukan hanya kanak-kanak di Jabatan Kebajikan Masyarakat sahaja, tetapi kanak-kanak keseluruhanlah. Cadangan-cadangan yang diberikan itu nanti kita akan bawa untuk berbincang di peringkat kementerian kita.

**Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Sebelum ini kita dah buat permohonankah dalam dasar bajet untuk jabatan kanak-kanak?

■1520

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Kita ada akan beberapa program yang kita buat di bawah dasar bajet tetapi tidak diluluskan terutamanya pada tahun ini langsung tak ada untuk kanak-kanak. Contohnya sistem pembangunan untuk pemantauan kanak-kanak bersama dengan ibu bapa pelihara, orang yang layak dan sesuai, peruntukan ini semua. Jadi buat masa ini memang kita tak dapat peruntukan walaupun kita dah minta. Kemudian kita nak jadikan Pusat Aktiviti Kanak-kanak itu sebagai hab perkhidmatan kanak-kanak pun kita tak dapat, tak diluluskan. Jadi memang ada kekangan di situ. Tetapi pada tahun hadapan kita akan mohon untuk secara khususnya kepada JPKK itulah.

**Dr. Hajah Halimah Ali:** Nak tanya tadi, berapa daerah yang apa, yang 140...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* 105.

**Dr. Hajah Halimah Ali:** 145 daerah nak dibuat.

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** 105.

**Dr. Hajah Halimah Ali:** Oh, 105. Maknanya *the numbers of* perjawatan dalam yang sedia ada, bukannya tambahan. Dia *upgrade* saja *kan*? Yang dah ada tetapi *upgrade*.

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Pengambilan baru, pengambilan baru tambahan.

**Dr. Hajah Halimah Ali:** Pengambilan baru?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Cuma YB, cuma sekarang ini PKMD kita ada Gred 41 tetapi dia jaga lapan kumpulan sasar. Jadi dengan adanya S41 kontrak ini, dia akan jaga kanak-kanaklah. Dia khusus untuk kanak-kanak. Tetapi satu saja, bilangan pertambahannya hanyalah satu saja di setiap daerah.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Hajah Halimah Ali:** Bolehkah nak buat semua, semua ini, sorang ini?

*[Ketawa]*

Yalah *it's something new, you're still going to go through teething phase kan*. Nak kena belajar apa semua, semua. So, kenapa tak buat *pilot project*? *It'll really* – sampai dia berjaya *instead of* banyak-banyak tetapi *you* tidak cukup orang, tidak cukup ini pengalaman.

---

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Okey. Kita memang dah ada pegawai tetap di setiap daerah yang jaga Unit Kanak-kanak tetapi Gred S29, S38, S32 tetapi kita ambil S41 ini untuk dia mengetuai sebab dia pengurusan *and* profesional untuk mengetuai.

**Tuan Pengerusi:** Ini orang yang di unit kadang-kadang ataupun tambah satu...

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Tambahan, tambahan satu.

**Tuan Pengerusi:** Oh, okey.

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Tambahan, tetapi dibantu oleh kumpulan pelaksana yang S29, S32.

**Dr. Hajah Halimah Ali:** Tetapi Unit Kanak-kanak sekarang ini, yang sudah ada ini, *what is their main – what is their core business?*

**Dato' Mumtaz binti Md Naw:** BKK-lah.

**Dr. Hajah Halimah Ali:** Adakah yang ramai-ramai yang normal inikah, yang *still* yang *problem?*

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Dia sebagai pelindung, dia sebagai Pegawai Akhlak, dia adalah pegawai taska, pemantau taska, dia juga melaksanakan program-program pencegahan, dia juga pemerdagangan kanak-kanak ini...

**Dato' Mumtaz binti Md Naw:** Dia jugalah, dia juga. *[Ketawa]*

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Dia juga bertugas di kaunter, dia juga akan bertugas di – menguruskan anak angkat...

**Tuan Chua Choon Hwa [Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Masyarakat]:** Banjir.

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Banjir.

**Dr. Hajah Halimah Ali:** Jadi bolehkah dia capai itu? *This is practical* apakah *question.*

**Puan Hajah Rodziah binti Ismail:** Sebab itu, sebab itu Pengerusi saya tanya...

**Dr. Hajah Halimah Ali:** Kenapa tidak *pilot project?*

**Puan Hajah Rodziah binti Ismail:** Saya tanya tadi dari sudut *structure*, kita nak tengok di peringkat kementerian struktur itu macam mana dan bagaimana diturunkan di peringkat negeri ataupun daerah? Supaya kita faham kalau kata dalam konteks perjawatan satu cerita, tetapi dari sudut struktur, bidang kuasa dia ataupun – orang panggil apa ya? Yalah *terms of reference*, kerja-kerja dia itu juga kita nak tengok, apakah ia sesuai dalam konteks memperkasakan, sebagai jabatan?

---

Dulu unit, lain *kan*, kita faham unit tetapi sekarang dah jabatan. Jadi di mana tambah baiknya? Kita nak tengok ya.

**Dato' Mumtaz binti Md Nawi:** Mungkin kita kena masukkan dalam jawatankuasa nanti, dalam perbahasan jawatankuasa kita boleh *propose*. *At least the government have* – kena ada satu hab dulu, tidak boleh nak tolak semua. Kita tidak *expect you can have* semua, semua *states* tetapi kena ada di peringkat *federal* dulu cadangan-cadangan untuk pusat sepadu kanak-kanakkah apa benda yang ada itu, itu mesti ada *once you have* jabatan.

So, dalam perbahasan jawatankuasa nanti kita semua akan bangunlah. Kita akan minta kerajaan supaya *make sure* dalam bajet kena ada yang itu sebab kalau tidak, *futile*.

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Betul, YB. Terima kasih di atas sokongan YB sebab memang Pusat Aktiviti Kanak-kanak yang kita ada, kita cadangkan dalam dasar bajet kita yang lepas, 30. *At least* satu negeri tu ada dua sebagai hab perkhidmatan kanak-kanak tetapi tak diluluskan. Jadinya kita menggunakan peruntukan yang sedia adalah, setakat mana yang kita adalah.

Tetapi untuk sekarang ini, untuk makluman YB Pengerusi dan juga ahli mesyuarat, memang kalau sebelum ini kita tidak ada pengkhususan untuk melaksanakan program advokasi dan pematuhan kepada apa yang berlaku di daerah dan di negeri, tetapi kali ini kita wujudkan bahagian berkaitan untuk fokus kepada advokasi.

Macam saya kata tadi nak memperkasakan CBO kita, nak memperkasakan kanak-kanak itu sendiri. Sebab kebanyakannya untuk makluman YB Pengerusi, insiden penderaan dan pengabaian kanak-kanak ini banyak berlaku di dalam rumah, dilakukan oleh ahli keluarga. Jadi memang kita perlukan jiran-jiran tetangga, kita perlukan kanak-kanak itu sendiri untuk bertindak. Itu antara perkara yang kita bagi penekananlah di bawah JPKK ini di fasa pertama ini.

**Dr. Hajah Halimah Ali:** Pengerusi, saya seronok *this idea and all that, it's a big thing, it's a big* apa ni tahu. Tetapi saya nak tahu jugalah, bila dah diambil duit itu – duit *extra* tak ada *for this* Jabatan Kanak-kanak, pembangunan kanak-kanak. Bila *you* buat *all this* apa ini, *a new thing*, apa yang *sacrificed*? Yang dah ada *in your programme* selama ini, *what is being sacrificed*? Maknanya *you* ambil dari mana? Tarik sini, tarik – mana yang ambil sekarang ini? *What's the plan*?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Dia tidak boleh hendak – macam mana nak kata ya. Dia nak tarik-tarik pun tidak boleh, sebab memang peruntukan itu memang *limited*, khusus. Jadi kita cuba untuk – bila nak laksanakan satu-satu program, kita cuba tengok di bahagian-bahagian lain yang boleh kita *via*,

yang boleh bantu kita. Sebab sekarang ini apa yang ada di Bahagian Kanak-kanak pun tidak mencukupi di JPKK ini. Jadi kita tengoklah...

**Dr. Hajah Halimah Ali:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Kita tengoklah yang mana yang boleh kita...

**Tuan Pengerusi:** Sekarang Bahagian Kanak-kanak ada berapa ramai?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** 35 orang di ibu pejabat.

**Tuan Pengerusi:** Okey, 35 dan di setiap daerah satu di Unit Kanak-kanak.

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Di setiap daerah kita ada dua atau tiga pegawai – bukan pegawai, kumpulan pelaksana.

**Tuan Pengerusi:** Okey. So, dengan adanya Jabatan Pembangunan, 35 masih lagi 35-lah, tukar nama ataupun di ibu pejabat sudah ada tambahan.

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Kita akan tambah daripada 145 yang kita ambil S41 kontrak. Kita hanya mampu untuk tambah enam orang sahaja di ibu pejabat.

**Tuan Pengerusi:** So, daripada 35 you tambah enamlah?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** So, di ibu pejabat ada 41?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** 41, YB, termasuk dengan sokonganlah. Sebenarnya pegawai yang ada hanya 18 sahaja di ibu pejabat campur dengan enam.

**Tuan Pengerusi:** Okey, okey.

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** 24 sahaja.

**Tuan Pengerusi:** *You tell me status quo and then what is the improvement. Status quo berapa?*

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** *Status quo* untuk pegawai S sebab yang mengurus...

**Tuan Pengerusi:** Okey. Sebelum penubuhanlah, berapa?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Sebelum penubuhan ada 18.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Selepas penubuhan dia akan jadi dua puluh...

**Tuan Pengerusi:** 24?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** 24, yes.

**Tuan Pengerusi:** *So, it's actually 25 per cent increase-lah. It's a 30 per cent increase because 18 to 24 is 30 per cent increase.*

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Tetapi di peringkat...

---

**Tuan Pengerusi:** Lepas itu?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Tetapi di peringkat daerah ada tiga – dua atau tiga, dia hanya bertambah satu sahaja. Setiap daerah satu sahaja dapat.

**Tuan Pengerusi:** Okey. *So, it's a 30 per cent increase-lah. It's a 30 per cent increase in terms of perjawatan.* Bukan tak ada, tetapi nombor itu kecil, jumlah itu kecil. Tetapi kalau kita tengok dengan *status quo is the 30 per cent increase-lah.*

**Puan Hajah Rodziah binti Ismail:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi:** *Job scope* apa?

**Puan Hajah Rodziah binti Ismail:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi:** So, apa tambahan?

**Puan Hajah Rodziah binti Ismail:** Ha, kalau kita tengok yang dibentangkan, tindakan yang diambil *kan*, kalau tengok sini ada 10 tindakan. Kalau dulu perkara-perkara ini di mana?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Okey. Kalau dulu kita tak ada. Okey, nombor satu itu sebelum ini kita tidak ada jawatankuasa, jawatankuasa kecil. So, sekarang kita dah ada jawatankuasa kecil di mana kita perlu bersama dengan kementerian-kementerian yang lain untuk melihat dari segi semua aspek; pendidikan, kesihatan, kesejahteraan. Dari segi penguatkuasaan, keselamatan kanak-kanak.

Kemudian kalau sebelum ini kita tak ada buat ujian psikometrik kepada orang yang nak ambil anak sebagai anak pelihara ataupun di bawah akta...

**Tuan Pengerusi:** *Adoption.* Ini *adoption-kah or what?*

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** *Fostering, fostering.*

**Tuan Pengerusi:** *Fostering* ya, okey.

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Kemudian kita juga...

**Tuan Pengerusi:** *But how many – okey. So, mewujudkan jawatankuasa you don't need a lot of people, a lot of manpower. Second thing, this one* setiap tahun berapa, berapa orang yang akan *go through this* psikometrik TAJMA?

**Dato' Mumtaz binti Md Naw:** MKBKK tu apa? Majlis Kebangsaan Bantuan...

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Majlis Kebangsaan bagi Kanak-kanak.

**Dato' Mumtaz binti Md Naw:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** Tetapi jawatankuasa kecil bolehlah, *you* tak payah tambah kakitangan pun boleh ada jawatankuasalah, tak payah sekretariatlah. Yang kedua

---

adalah yang ini psikometrik TAJMA. Berapa ramai yang buat permohonan setiap tahun?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Kalau permohonan kita sekarang ini yang memohon ada 600 keluarga, ibu bapa pelihara yang memohon. Daripada jumlah tersebut, kita akan buat ujianlah yang mana sesuai atau tidak sesuai.

■1530

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Puan Hajah Rodziah binti Ismail:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Bahagian Kanak-kanaklah. Pegawai. Bersama dengan kaunselor. Kita akan bersama dengan kaunselor.

**Tuan Pengerusi:** Dulu Bahagian Kanak-kanak pun ada buat semua, *kan?* Sekarang tambah hanya ujian sahajalah, betul?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Betul. Yes. Ujian itu, ya betul.

**Tuan Pengerusi:** Betul, ya?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Dulu *you* sudah buat. *So, your job scope is how many manpower. So, ahli-ahli jawatankuasa, kita – saya pernah jadi menteri. Salah satu tendency kita buat ialah setiap kali kita nak menambah jawatan. So, if you want to tambah jawatan, normally is to calculate by manpower. That means how many man-hour you need every – for the job scope that you tambah, how many man-hour you need.*

*So, kalau kita ada 10 ini, so kalau kita bahagi setiap like currently you nak tambah satu, that means that person work eight hours times five, 40 hours or 35 hours a week, times 200 over days. This is how we calculate whether or not we need the number of people-lah. So, this one is psycho... – yang ini, ujian ini berapa banyak masa kita perlu tambah? Kalau sekarang kita sudah buat – hanya nak dia buat ujian sahaja. Ujian itu bertuliskah?*

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Ada 93 soalan.

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Kemudian kita kena *analyse* lah bersama dengan kaunselor untuk melihat dari segi status emosi, kecelaruan mental, dan sebagainya. Sebab dia ada 12 *traits* dalam ujian itu.

**Tuan Pengerusi:** Sebelum ini macam mana kita tentukan?

---



**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Sebelum ini, untuk makluman YB Pengerusi, kalau memohon untuk jadi orang yang layak dan sesuai ataupun ibu bapa pelihara, dia hanya isi borang, kemudian dia tulislah apa keperluan-keperluan dan kita hanya melihat dari segi latar belakang dia, dari segi pendapatan, dari segi dah berapa tahun dia tak – dah berapa lama perkahwinan dan sebagainya. Itu sahaja. Kita tak tengok dari segi emosi, dari segi kestabilan dia menjaga kanak-kanak tersebut.

Kita juga ada kes di mana dia ambil anak itu, anak pelihara, jadi anak pelihara. Setahun, dua tahun serahkan balik kepada JKM. So, itu akan memberikan kesan kepada psikologi kanak-kanak, perkembangan kanak-kanak. So, itu antara perkara yang kita buat tambah baiklah.

**Dato' Mumtaz binti Md Naw:** Sebenarnya YB...

**Tuan Pengerusi:** Ujian ini akan memakan masa berapa lama?

**Dato' Mumtaz binti Md Naw:** Isu yang paling besar ialah kita ada 10.3 juta kanak-kanak di Malaysia. Ini cakap pasal yang hendak dipelihara, yang mendera sekarang adalah *the real parents*. So, *parenting skills*, keibubapaan itu sebenarnya yang patut ditumpukan oleh Jabatan Pembangunan Kanak-kanak. *In future*, itu yang terpenting sebab yang dera sekarang ini semua *parents*. Bukan emak bapa tiri, bukan emak bapa angkat.

So, kita punya yang kedua sepatutnya dalam gambar besar nanti sepatutnya adalah *parenting skills*. Sebab, kahwin itu diajar, tetapi bila dapat anak *you* boleh tiba-tiba jadi pandai jadi *parents*. So, *I think this is* masalah yang besar yang berlaku kerana bunuh diri pun banyak, stres pun banyak, pukul anak pun banyak. Itu lebih tinggi daripada – sebab yang nombor dua ini *at least* YB, kita akan pergi ke mahkamah. *The order of* anak angkat semua ini akan pergi kepada mahkamah. Jadi, mahkamah juga akan *value*, juga ada penilai kanak-kanak.

So, ini adalah kerja dua kali yang kita akan tengok. Tetapi, *parents* yang *natural parents* ini, *you* beranak, *you* nak bubuh dalam almarikah, dalam peti sejukkah, nak letak atas mejakah, *up to you*. So, sekarang ini yang kita sebut, sebab saya sebut baru-baru ini, pendidikan kanak-kanak, *parenting skills* mesti diajar di sekolah lagi. Bukan hanya dah kahwin, tiba-tiba *you* terberanakkah, dapat anak.

So, *this is* apa yang penting kepada pegawai kanak-kanak nanti ialah penumpuan bagaimana Malaysia akan melihat *next 10 years*. Sebab, 10 tahun daripada sekarang kita akan lihat produk kita ini. So, 10 tahun akan datang macam mana jadi. Sekarang macam mana *netizen* kita punya perangai. So, *next 10 years* kalau *you* tak buat satu galakan, nanti semua kahwin, kahwin, bunuh semua. *Nauzubillah*.

---

**Tuan Pengerusi:** Okey.

**Puan Hajah Rodziah binti Ismail:** Tetapi kita tak – Pengerusi, sebenarnya kalau saya pun cuba nak fahamlah. Lebih kepada kita nampak penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak ini untuk menangani atau tambah baik apa yang ada dalam Jabatan Kebajikan sahaja, *kan?* Tetapi kami beranggapan dahulu Jabatan Kanak-kanak ini untuk melihat isu kanak-kanak secara holistik. Tetapi bila dibentangkan *timeline* itu, kita nampak, kita mengharapkan supaya dalam 2025 nanti *kan* atau 2026 barulah benda itu boleh betul-betul dapat dilaksanakan.

Tetapi bila kita tengok tindakan yang sedang dilaksanakan di bawah 10 perkara tadi itu, sebab itulah kalau boleh, kalau dicerakinkan pernyataan itu, tindakan dan masa itu juga nampak jelas sedikitlah. Contoh macam YB Pengerusi tanya berapa *man-hours* yang kita perlu dan perjawatan, berapa bilangan yang kita perlukan. Ada yang kita perlu tambah sebab itu keperluan di bawah jabatan tetapi ada yang sebenarnya ada – contohnya Anjung Sinar. Benda itu dibuat oleh orang luar ataupun agensi lain. Itu tak perlu JPK *kan* ataupun Jabatan Pembangunan Kanak-kanak yang buat.

Jadi, benda itu rasanya patut lebih kami nampak jelaslah sedikit, Pengerusi *kan?* Sekarang kami tak nampak itu sebagai keperluan. Itu yang membimbangkan saya sebab bila pihak atas tak nampak apa yang kita nak buat itu, sebab itu bajet tak turun. Kita kena *really specific* supaya keperluan itu nampak boleh diukur. Nampak tak? Kalau tak dapat diukur itu yang nampaknya kenapa kami nak bagi bajet lebih kepada kamu, kepada kau orang. Jadi, kena diperbetulkan di situ.

**Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Dari sudut masa pun sebenarnya kita rugi. Kita lulus 2023, pelaksanaan 2026.

**Puan Hajah Rodziah binti Ismail:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Tiga tahun *kan*.

**Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Tiga tahun, rugi. Kenapa dalam benda lain kita boleh bagi bajet. Ini kepentingan kanak-kanak, generasi pelapis negara tetapi seolah-olah dipandang sepi oleh kerajaan. Kenapa? Jadi, perkara-perkara ini kita kena – ini.

**Dato' Mumtaz binti Md Nawi:** Budak *Form 1* tahun ini lagi tiga, lima tahun, 18. So, kita hanya ada satu penggal untuk melihat mereka akan jadi *next* YB. So, kalau kita silap sekarang, dia akan jadi macam itulah.

**Tuan Pengerusi:** *Don't worry-lah. I tell you-lah, this is a – ini Jabatan Kanak-kanak, we have never established, and our children are still fine-lah. So, this is not a very urgent issue. Not like urgent, urgent until tomorrow you have to do it-lah. It is – you faham ya. It's all of us grow up quite fine-lah. So, without Jabatan Kanak-kanak*

---

*also. The whole thing is that how can we do better.* Bukan mereka akan jadi manusia yang tak baiklah kalau tak ada Jabatan Pembangunan Kanak-kanak.

Ketiga, perkara yang buat memperkasakan kanak-kanak, *is that something new or you have already done it before?* Yang ketiga itu.

**Tuan Chua Choon Hwa:** *Sorry* YB Pengerusi, kalau saya boleh jawab sedikit *kan. What is important* untuk Jabatan Pembangunan Kanak-kanak ini adalah sekarang ini Bahagian Kanak-kanak, *we are talking about business is no longer as usual.* Sebab sekarang ini kita – katakan sekarang ini kanak-kanak didera. *So,* kita kata okey, kanak-kanak ini masuk dalam Rumah Kanak-kanak. Tetapi *kan, we are not talking about social work practices* sebab kanak-kanak itu kenapa didera? Ibu bapa itu, apa masalah dia?

*So,* kalau kita sekarang ini kalau kita cuma *handle* anak ini sahaja, bermaksud adik-beradik dia mungkin semua akan jadi mangsa juga. *So,* bila kita cakap tentang Jabatan Pembangunan Kanak-kanak itu, *we are talking about practicing of social work* di masa depan. Sekarang ini apa yang ada dalam JKM ini sebenarnya *is not well established* untuk *social work* punya praktis. Ini akan dihubungkan dengan yang kita cakap, tentang yang YB ada minta kita buat RUU profesion kerja sosial yang kita belum sedia itu. Dia akan dikaitkan dengan *this* profesion kerja sosial punya praktis.

Di masa depan, pegawai di bawah JKM ini dia bukan sahaja reaktif tetapi dia kena buat proaktif punya kerja juga. Kita nak *prevent,* macam tadi YB Mumtaz kata kita punya kanak-kanak ini *about one third of* kita punya *population.* Sekarang ini penderaan ada 3,000 *cases a year. So, imagine* 3,000 adalah yang kes yang kena itu tetapi adik-beradik dia kita tak tengok lagi. Dengan pegawai kita yang ada, yang macam Puan Wan kata sekarang ini, kebanyakannya adalah sokongan *and* sokongan bermaksud *they might not have that kind of academic background* untuk *handle all those kind of social work cases.*

*So,* bila sekarang ini *there's a mismatch.* Dia punya pengetahuan pun ada masalah dan kita tak boleh nak *handle* dengan baik. Sebenarnya kanak-kanak itu *we are talking about* setiap kanak-kanak dia ada hak untuk dapat dikembangkan sepenuhnya. Tetapi bila dalam keadaan macam itu sebenarnya dia jadi mangsa keadaan. Bila masyarakat kita jadi semakin *complicated* YB Pengerusi, yang kita cakap adalah yang kes setiap tahun yang ada duduk dalam kita punya institusi itu. STB *itself.* Sekolah Tunas Bakti (STB) adalah kanak-kanak yang ada konflik dengan undang-undang ini, yang memang dah buat jenayah, masuk dalam kita punya institusi. Tak masuk lagi sekolah akhlak, walaupun bukan jenayah tetapi salah laku dan dia dihantar untuk pulihkan dia punya akhlak.

---

So, sebenarnya isu itu *is* makin besar dan kalau kita pakai *method* yang lama sahaja, *it is going to be a big problem for us because* kanak-kanak sekarang ini dia punya cabaran makin besar dan kita masih pakai *method* yang lama untuk *handle all those issues*. So, apa yang kita buat sekarang ini; kenapa dia perlukan masa? Sebab nak jadikan kita punya pegawai JKM ini adalah *social workers*, dia pun kena dilatih juga.

#### ■1540

Latihan itu pun belum buat lagi. So, memang dia perlukan masa untuk kita cari orang yang sesuai dan latih mereka. *At the moment*, memang kita akan ada masalah *because* apa yang kerajaan bagi kita sekarang ini yang konon-konon sumber tambahan. Itu sebenarnya *contract workers*. Masalah kanak-kanak adalah masalah *long term, kan?* Bagi *contract workers*, so bermaksud lima tahun semua masalah selesaikah? Ataupun masalah itu masih akan berterusan. Kalau berterusan, bagi *contract workers, then* lepas lima tahun macam mana? So, *there's a lot of issues that* kita masih belum selesai lagi. *Definitely* YB Pengerusi dan ahli-ahli mesyuarat, kalau boleh dapat sokongan daripada *select committee* untuk kita dapat dengan banyak sumber, untuk kita perkukuhkan Jabatan Pembangunan Kanak-kanak ini, *definitely* kita akan memberi perkhidmatan yang lebih baik dan harap-harap, bukan sahaja kita boleh pulihkan mereka, tetapi kita halang, *which is proactive* punya *part* untuk supaya dia tak berlaku ke situlah.

**Tuan Pengerusi:** *Is there any way to keep the organisation lean?* Sebab saya rasa memang kita boleh *apply*-lah. *You* pergi *apply* JPA, JPA tak akan lulus. Memang macam itu. Dia tidak akan lulus perjawatan sebab kerajaan perlu potong defisit kita. Kita menghadapi masalah *very, very serious* hutang *problem*. So, kalau kita tak potong dan turunkan defisit pun tak boleh. So, *JPA also faces a big problem*. Mereka tak akan tambah perjawatan. So, adakah KPWKM telah pun *explore* sama ada *you redesignate certain – not so important* bahagian, *to go to* Bahagian Kanak-kanak. So, *then you optimise your current human resources first before you ask for more* perjawatan. Lepas itu, *you –* memang kita boleh *train* lagilah.

*So, we need to train and hire accordingly. But I am sure that there are many people in the SPA now, in the civil services right now, sudah ada training in this, but they are in different ministries. Some in MOT-lah, memang macam itu qualification. So go to JPA, ask for transfer. That means you don't ask for new perjawatan. You say this perjawatan is – okay, they are not trained, bla bla bla. But okay I know.* Kekangannya ialah kita tak boleh tambah perjawatan. So, boleh tak kita tambah satu

---

dari *your own KPWKM, you pool the people, the number of perjawatan that you need. Go to your bahagian.*

Lepas itu, *you transfer those people who are untrained out. Get the people who are trained in. I can guarantee you that in JPA right now, definitely there are people who are trained. They are in MITI, they are in MFA, they are all these kinds of different – then, they are trained. Then you give them – they already have the qualification, education, qualification.* Lepas itu *you buat training.* Bagi mereka untuk praktikal. *Then you keep them in the jabatan. Then two, three years, it becomes an agency with ketua pengarah, bla, bla, bla. They have an ecosystem. So not necessarily, every time not necessarily kita kena tambah jawatan, baru kita boleh tambah tugas. Kita perlu optimise what you have today. Then, if you do already, very well, you do all these things, you still think that is not enough, then you have proof. “I have done so many things. This is how I am very, very efficient already. Okay, I need it now”. Then you have things to give.*

*Because not only KPWKM; all the ministries. Every day also say not enough people one. JPA is not going to give you. The fact is JPA is not going to give you. So, kita perlu lebih – I rasalah.*

**Tuan Chua Choon Hwa:** *Thanks, YB. I get what you mean, YB Pengerusi. Cuma kalau saya boleh jawab sikit kan YB. That’s why saya selalu bagi perumpamaan inilah. Kementerian Kesihatan, the total workforce is 230,000 ya, nationwide. So, kita selalu kata, kalau masalah sosial cuma ada 10 peratus sahaja. Actually what we need is 23,000 tetapi JKM sekarang ini cuma ada 7,000 sahaja staf dia dan out of 7,000 itu, ada 3,000 bukan skim S. Dia sebenarnya adalah skim U yang jaga di kita punya institusi. So, we’re stuck with very fragile punya footing. Sebab kita punya pegawai memang dah terlalu sikit, which is bila kita bandingkan ada 4,000 itu dan 4,000 itu kena jaga warga emas, jaga keganasan rumah tangga...*

**Tuan Pengerusi:** KPWKM ada berapa ramai?

**Tuan Chua Choon Hwa:** *The total, KPWKM? The total is about 9,000 termasuk LPPKN dan JPW.*

**Tuan Pengerusi:** *So, all these things in KPWKM, how many can go to JKM?*

**Tuan Chua Choon Hwa:** *Sebenarnya macam apa yang YB Pengerusi kata, JPW sendiri pun cuma setakat 300 orang. Kita kata tak cukup, nak buat advokasi pun tak cukup orang. So, masing-masing semua tak cukup orang. Kalau nak bagi kepada JKM. That’s why kalau macam JKM, bila JKM tarik dia punya resources kepada kanak-kanak, habis yang warga emas siapa nak jaga? OKU siapa nak jaga?*

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Faham, faham.*

---

**Tuan Chua Choon Hwa:** *So, our footing is very...*

**Tuan Pengerusi:** *I think you need to first prove yourself-lah. It's a simple fact. You have to first prove yourself that you can actually run it well. Then you ask for more. So, for now I think, dengan enam perjawatan tahun ini – tahun depan, you buatlah apa yang what you think can be done with this enam dan tambahan di setiap daerah. Lepas itu kalau ada sedikit result, okay you can ask for more. MOF is always like that. If you have done it well, you use the money they give, you spend all, you do it efficiently, then they will give you more.*

**Tuan Chua Choon Hwa:** *YB, in fact, at the moment, kita tak minta tambah. Kita minta yang kontrak itu kena jadi tetap. Bukan kontrak.*

**Tuan Pengerusi:** *Ini tak boleh sebab pencen. We have bloating pencen problem. So, that's why the government needs to have the JPA reformed. Kalau dia tak ada pension reform, we cannot hire anybody with the contract. Ini masalahlah. Even doctor is on contract.*

**Tuan Chua Choon Hwa:** *YB, that's why kita katakan bila sektor sosial, sumber manusia yang kita dapat itu adalah kecil Sahaja. So, daripada sektor-sektor lain macam YB katakanlah, bagaimana kita nak realign sektor-sektor ini sebab sekarang ini sektor sosial kan, setting dia terlalu kecil.*

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Mumtaz binti Md Nawi:** *Rasanya macam Pengerusi kena pergi jumpa dengan Menteri Kewangan dan menteri yang jaga JPA-lah kut. Sebab I think you can convince them. Sekarang ini kerajaan kena faham even kalau perlu select committee jumpa PM pun, we have to do that. Because sekarang ini mereka kena faham, this is very, very important because next 10 years, kita tak boleh nak buat apa dah, tak boleh nak undur.*

**Puan Hajah Rodziah binti Ismail:** *Tetapi saya rasa saya ada sedikit pandanganlah. Sebenarnya apa masalah besar? Contoh, contoh Pengerusi. Katakanlah kalau nak menangani kanak-kanak, kita ambil satu segmen saja. Isu penubuhan taska kanak-kanak, awamlah. Kita tak cakap pun yang swasta. Kita tak cukup staf untuk bagi lesen, yang kecekapan memberi lesen dan sebagainya itu, pun dah membayangkan bahawa staf yang sedia ada sekarang ini dengan kerja dia yang banyak itu, tak mungkin dapat memberikan efisien kita punya tindakan. So, masalah itu kita kena list-kan juga. Apa yang masalah yang kau orang tangani atau JKM berdepan sekarang ini bila menguruskan masalah kanak-kanak? Then, baru kita come out with pernyataan untuk menangani masalah-masalah ini, kita perlukan, ini program-program yang perlu ada, termasuklah perjawatan dan sebagainya.*

---

Jadi, kadang-kadang – saya pun pernah dalam kerajaan *kan*. Bila kerajaan atau Exco tak nampak keperluan sebab masalah itu tidak dibentangkan secara spesifik, kita rasa ini tiada masalahnya ini. Tak payahlah kita kata sebab kita tak rasa benda itu *important*. Kita rasa benda lain lagi banyak *important*.

Jadi saya rasa pandangan saya selain daripada kita nak melaksanakan tanggungjawab di bawah enam akta yang sepatutnya di bawah bidang kuasa JKM, kita juga kena ada *highlight* tentang masalah-masalah yang anda semua sedang hadapi sekarang ini. Yang sedia adapun dah memang tak dapat nak selesai, tambah lagi nak buat jabatan. *Can you imagine, you add on your problem*. Bukannya *you solve the problem*. *So, when you add on the problem, you don't have the capacity to solve the problem*. *We are facing the big problem now*. Untuk akan datangnya. Jadi saya tak rasa benda itu boleh kita selesai dalam masa tiga tahun ini.

**Dato' Mumtaz binti Md Naw:** Ini *inter-related*, YB Pengerusi. Semalam kita bincang fasal kenapa *workforce*, *women* ramai tak boleh terlibat; kerana masalah tak dapat taska. Taska nak buat, tak ada orang nak pergi tengok, nak buat taska. *So*, dia sebenarnya akan bawa *effect* kepada ekonomi.

**Puan Hajah Rodziah binti Ismail:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Itu contoh.

**Dato' Mumtaz binti Md Naw:** Maknanya sekarang ini, *Ministry of Finance* kena faham bahawa kitaran ekonomi ini akan berlaku. Kalau di sini sihat, di sini tak sihat, tak boleh buat, *the whole system will be jammed*. Sama dengan TalentCorp. TalentCorp macam mana *talent* pun, kalau mak tak ada orang jaga anak, mak berhenti juga. *So, we have* – kena fahamkan kepada yang tertinggi bahawa *this is urgent*.

#### ■1550

**Puan Hajah Rodziah binti Ismail:** Sekarang ini kita bincang ini terlalu besar YB Pengerusi. Kita nak – kononnya kita nak menangani kesemua masalah kanak-kanak, sedangkan hakikatnya kita tak ada kapasiti nak buat benda itu. *That's why* kita kena tengok apa yang paling prioriti yang perlu kita tangani. Kalau katalah kita nak menangani isu supaya kita dapat memberikan *support system* untuk wanita kembali bekerja, fokus kita itu dulu, contoh ya. Tidaklah fasal advokasi kanak-kanak dan sebagainya. Itu biar Kementerian Pendidikan buat dan sebagainya. *Then*, kita pastikan taska-taska yang banyak ini dilesenkan, dipastikan ianya berjalan dengan baik. Pusat kanak-kanak kita berlaku – pusat jagaan kanak-kanak di-*upgrade* dengan baik. *Something like that* atau kaunseling kita kepada kanak-kanak itu ataupun keluarga itu lebih utama, *kan*.

---

**Dato' Mumtaz binti Md Nawi:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] *I think that's quick win – quick win.*

**Puan Hajah Rodziah binti Ismail:** *Quick win.* Kita fokus dan kita baru nampak. Mungkin MJM pun nampak, "Oh, ini perlu", sebab dia akan beri impak kepada kembalinya wanita ke dalam *workforce* – 60 persen itu.

**Dato' Mumtaz binti Md Nawi:** Daripada kita menumpukan kepada yang BKK tadi. Maknanya fokus dalam pembangunan kanak-kanak ini ialah memastikan bahawa taska cukup di semua tempat, pegawai yang baru dilantik itu fokusnya ialah selesaikan masalah taska itu dan *government* boleh lihat dia punya impak dalam masa tiga tahun. Bila berlaku dengan baik, so maknanya akan ada perubahan kepada *women workforce*. Bukan lagi 0.02, ia akan berkembang. *So, it may increase better.* *So I think, that's* lebih baik kita fokus daripada kita...

**Puan Hajah Rodziah binti Ismail:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Mumtaz binti Md Nawi:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Okey. *We go through the* perkara – memperkasakan kanak-kanak, sudah buatlah? *It is a business as usual thing, right? Number three.*

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Okey. Untuk makluman YB Pengerusi, Program Advokasi Perlindungan Kanak-kanak ini sekarang sebelum ini memang kita tak dapat laksanakan sepenuhnya kerana pegawai-pegawai kita terpaksa menyantuni kes-kes untuk menyelamatkan kanak-kanak bila terima rujukan daripada pihak hospital, pihak polis berkaitan dengan penderaan, pengabaian. *So,* Pelindung-pelindung kita ini – sebab dalam Akta Kanak-kanak, dia ada kalau dalam melindungi kanak-kanak, dia ada pelindung. Jadi, bila dapat laporan daripada pihak polis, daripada pihak hospital dan juga daripada komuniti, dia perlu menguruskan kanak-kanak itu. Nak selamatkan kanak-kanak itu, nak bawa pergi ke mahkamah, nak buat laporan. *Then,* program advokasi ini kurang dapat dilaksanakan sekarang.

**Tuan Pengerusi:** *So,* nombor *three* yang tak pernah buat adalah Program Advokasi Perlindungan...

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Secara lebih ini lagilah.

**Tuan Pengerusi:** Tapi, Pelindung-pelindung ini semua kita *business as usual*-lah yang itu?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** *Yes, yes.*

**Tuan Pengerusi:** Yang ini tambahan kerja adalah Program Advokasi Perlindungan. Okey.

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** *Yes.* Ya, betul.

---



**Tuan Pengerusi:** Okey, *number four*, kita telah mewujudkan perjawatan *kan?* Sudah, *kan?* Ini ada...

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Sudah. Sedang dalam proses temu duga. So, dijangkakan Mac tahun depan penempatanlah.

**Tuan Pengerusi:** So, satu untuk setiap daerahlah?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Satu daerah satu sahaja S41.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Okey, nombor lima, memperkasa – ini *business as usual*-kah?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Ini kita yang...

**Tuan Pengerusi:** Apa tambahan?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Kita tambahan kerana Pasukan Perlindungan Kanak-kanak (PPKK) itu memang sedia ada. Tetapi, kita tidak dapat membantu untuk menggerakkan mereka ini dengan lebih aktif lagi kerana pegawai-pegawai kita menguruskan kes kanak-kanak. So, sepatutnya Pasukan Perlindungan Kanak-kanak ini dengan Pasukan Kebajikan Kanak-kanak ini perlu diberi latihan, perlu bersama-sama dengan kita untuk menguruskan, membantu menguruskan kes kanak-kanak.

So dalam hal ini, selain daripada yang berada bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat, kita juga dah *expand* kepada kementerian KKDW. Apa? Kementerian... *[Disampuk]* Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah melalui persatuan penduduk di mana kita bekerjasama dengan mereka untuk menjadi mata dan telinga dalam membantu untuk memastikan kes-kes kanak-kanak didera. Kalau YB Pengerusi tengok sekarang ini, isu taska dan isu penderaan kanak-kanak yang sangat hangat setiap, sentiasa di – inilah.

**Tuan Pengerusi:** So, *the* tambahan ialah untuk *engage* dengan persatuan penduduklah.

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Ya. Latihan...

**Tuan Pengerusi:** Nombor enam, penyelarasan aset dan harta modal.

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Ini persediaanlah. Okey.

**Tuan Pengerusi:** *I think this is easy*-lah ya. *Number seven*, ini?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Mewujudkan Anjung Sinar ini, ini kanak-kanak yang tidak ada keluarga yang berada dalam institusi JKM...

**Tuan Pengerusi:** *Business as usual*, is this?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** *No, no*. Inisiatif baru.

**Tuan Pengerusi:** Baru ya? Okey.

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** *This one* baru. Kemudian, praktis kerja sosial pun kita tak laksanakan sepenuhnya. So, bermula – JPKK ini kita

---

akan gunakan sepenuhnya. Penambahbaikan eDKK ini adalah sistem pendaftaran pesalah-pesalah jenayah seksual terhadap kanak-kanak di mana sistem ini memang dah sedia ada, tetapi kita perlu buat penambahbaikan dengan memasukkan ataupun untuk menaik taraf sistem ini supaya pengusaha-pengusaha taska contohnya, dapat menggunakan sistem eDKK ini untuk membuat saringan kepada pengasuh-pengasuh yang nak bekerja di taska bagi memastikan tidak berlakunya apa nama, penderaan dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang *business as usual* macam mana? Sekarang tak ada?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Sekarang ada, tetapi bilangan pesalah jenayah seksual – sebab dia fokus hanya kepada pesalah jenayah seksual sahaja. Yang lain-lain tak ada. So, kita akan bekerjasama dengan PDRM, dengan pihak SUHAKAM dan sebagainya untuk memastikan eDKK ini dapat dinaik taraf dan digunakan oleh – sekolah boleh guna, ini boleh gunalah. Kemudian, memperketatkan proses saringan. *This one* ini adalah salah satu daripada cara yang kita akan perluaskanlah untuk eDKK untuk taska dan sebagainya. Okey, *next*.

Dari segi hala tuju, tadi yang saya bentangkan 10 itu yang sedang berlaku sekarang ini YB Pengerusi. Yang ini adalah dari segi – untuk kita nak jadi JPJKK berdiri dengan sendirinya sebagai sebuah agensi di bawah KPWK, kita akan membuat pertambahan kontrak seramai 965. Dijangka pada tahun 2026, akan menguruskan dari segi nisbahlah. Akan berlaku penurunan di mana pegawai-pegawai kita sekarang ini 1:108 kes, menurun kepada 30 keslah. Jadi bila pegawai atau Pelindung hanya mengendalikan 30 kes sahaja setahun, dia boleh melaksanakan praktis kerja sosial itu. Sebab praktis kerja sosial ini ada lima langkah. Dia kena buat intervensi, dia kena buat pemantauan dan dia juga perlu memantau dan juga bersama-sama dengan Pasukan Pelindung Kanak-kanak untuk mengendalikan kes kanak-kanak di daerah merekalah, berada di daerah masing-masing.

Kemudian dari segi perundangan, akta dan peraturan berkaitan. Seperti mana awal tadi saya maklumkan, di bawah JKM kita ada enam akta yang berkaitan dengan kanak-kanak dan kita ada akta-akta di agensi-agensi lain juga yang memerlukan pindaan. Kita akan wujudkan *special project team*-lah untuk menguruskan perkara ini.

Kemudian dari segi kewangan, kita akan memohon dasar bajet 2025 untuk mengambil kira premis pejabat JPJKK negeri, daerah dan juga peralatan yang sesuai untuk memastikan suasana kerja yang kondusif dan juga dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada kanak-kanak.

---

Kemudian, latihan berterusan kepada pegawai-pegawai kita.

Seterusnya, pemerksaan komuniti di mana seperti mana saya maklum, penderaan dan sebagainya banyak berlaku dalam keluarga sendiri. So, kita perlukan komuniti yang mengambil tahu tentang kejiwaan mereka dan mengambil tindakan terhadap kes-kes penderaan dan sebagainya.

Kemudian, Talian Kasih. Kita dah ada Talian Kasih sekarang ini, tapi kita nak wujudkan Talian Kasih khas untuk kanak-kanak, mengendalikan kes kanak-kanak. Sekarang ini kita *call* saja, dia akan *pass*-lah *line* itu kepada pegawai-pegawai yang bertugas dan berbagai-bagai isu sebab kita ada 10 kumpulan sasar di bawah KPWK. Tetapi dengan adanya talian khas untuk kanak-kanak itu, pengkhususan boleh dibuatlah berkaitan dengan isu kanak-kanak.

Seterusnya untuk teknologi dan digital, kita nak menggunakan contohnya, macam saya kata, kita mohon melalui dasar bajet untuk membuat sistem pemantauan terhadap apa nama, kanak-kanak yang berada di ibu bapa pelihara dan orang yang layak dan sesuai. Sekarang ini kita ada 1,000 lebih kanak-kanak yang berada – yang kita tempatkan ya, yang berada di dalam ibu bapa pelihara dan juga orang yang layak dan sesuai. Jadi, di peringkat ibu pejabat, kita tak dapat melihat dari segi data itu secara apa nama, melalui sistemlah. So, saya kena *call* di peringkat daerah untuk tahu berapa kes sekarang ini kanak-kanak. Kita kena pantaulah untuk memastikan kanak-kanak ini selamat berada dengan ibu bapa pelihara dan juga orang yang layak dan sesuai. Yang adanya, bukannya ahli keluarga mereka pun ya, mereka memelihara anak tersebut.

**Dato' Mumtaz binti Md Nawi:** YB Pengerusi, saya nak cadangkan di sini, mungkin lah yang boleh dibuat tambahan ialah pemerksaan komuniti mewujudkan satu skuad sukarelawan di kalangan masyarakat yang kita boleh perkasakan sekarang. Maknanya skuad itu ditubuhkan sekarang khas untuk keluarga dan juga kanak-kanak. Juga, membuat sinergi dengan agensi lain contohnya, dengan KRT. Jadi, KRT juga *deal* dengan isu kanak-kanak. So, kalau kita boleh bekerjasama dengan – maknanya sini ini pemerksaan komuniti, satu lagi sinergi dengan agensi lain. So, kalau boleh buat sinergi, *so we can have – because* KRT pun benda yang sama juga. So, jadi kalau boleh kita buat yang itu dan mungkin kita boleh kerjasama juga dengan KEMAS juga supaya kanak-kanak sebagai agensi-agensi akan bersinergi dengan KPWK dan itu akan lebih memudahkan lagi cara untuk kita selesaikan isu kanak-kanak tadi.

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Okey, untuk maklumat YB juga, kita pagi tadi baru sahaja YB Menteri telah melancarkan Skwad Waja Insaniah di mana Skwad Waja ini adalah kumpulan wanita di bawah Jabatan Pembangunan Wanita, dilantik sebagai Pembantu Pelindung untuk membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam kes-kes kanak-kanak inilah supaya dia menjadi mata dan telinga dan seterusnya dia mengambil tindakan. Ada dalam 330 orang yang dilantik di peringkat daerah dan akan bekerjasama dengan agensi-agensi dan juga dengan pihak-pihak inilah YB.

**Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** YB Pengerusi...

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** So, kita akan ramaikan lagilah Pembantu Pelindung.

**Dato' Mumtaz binti Md Nawi:** Mungkin dengan PIBG, YB. PIBG sekolah-sekolah pun mesti bersinergi bersama dengan kita baru kita akan bercakap benda yang sama. Maknanya daripada Kementerian Pendidikan, Kementerian Luar Bandar. Ada beberapa kementerian yang akan bekerjasama secara sistematik dan progresif.

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Ya, betul.

**Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** YB Pengerusi...

**Puan Hajah Rodziah binti Ismail:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Sekarang ini untuk maklumat YB Pengerusi dan juga YB, kita dah mulakan advokasi perlindungan kanak-kanak di mana kita masuk ke sekolah, kita bekerjasama dengan PIBG, pihak sekolah dan juga nombor Talian Kasih itu kita paparkan di mural – jadikan mural supaya kanak-kanak tahu nombor itu, kalau dia perlukan pertolongan. Kita dah bermula. Cumanya macam saya katalah kekangan dari segi bajet dan *insya-Allah*, kita akan perhebatkan lagi.

**Dato' Mumtaz binti Md Nawi:** Saya minta kalau boleh jangan gunakan “perlindungan”. Saya tak nak PIBG cakap tentang budak bermasalah. So, kita lebih kepada pembangunan kanak-kanak, *better*. So, itu akan lebih membuatkan masyarakat lebih positif. Sekejap lagi semua rasa dia – *play victim*; saya jadi mangsa, saya jadi mangsa.

**Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** YB Pengerusi, saya nak tambah sikitlah. Saya tengok apa yang disusun ini bagus dah. Maknanya kita ada pemerksaan komuniti, pemerksaan dari sudut kanak-kanak semua dah ada dalam perkara yang kita cadangkan tapi satu perkara yang sangat penting. Saya tak nampak di sini pemerksaan keluarga.

---

Walaupun sebelum ini dia berada di bawah LPPKN tetapi sepatutnya sebagaimana kita boleh buat kerjasama Skwad Waja bersama dalam jabatan ini, maknanya LPPKN pun kena dilibatkan di sini supaya perahu itu lengkap. Kita hanya merawat masalah tetapi kita tak mencegah daripada awal. Bermulanya penderaan daripada kecuai keluarga. Jadi pemerksaan keluarga itu sepatutnya dijadikan agenda utama dalam Jabatan Kanak-kanak sebab di sini bermulanya, lahirnya kanak-kanak.

**Tuan Pengerusi:** *But very interesting.* Saya tengok yang ini semua Jabatan Kanak-kanak, apa fungsi-fungsinya hanya adalah perlindungan, tak ada pembangunan. Tak ada yang lain. / pun tidak tahu, Jabatan Pembangunan Kanak-kanak untuk perlindungan sahajakah, ada fungsi lain?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Dia macam ini. Kita ada lima teras utama, perlindungan, pemulihan, pencegahan, pembangunan dan pengintegrasian. So, pembangunan itu – okey, dalam konteks perkhidmatan kanak-kanak ini kita berdasarkan pada CRC-lah yang ada empat itu, di mana kelangsungan hidup. Keduanya dari segi perlindungan. Ketiganya adalah dari segi penyertaan dan keempat adalah segi perkembangan. So, kita melihat kepada ini.

Untuk makluman YB Pengerusi, kita juga ada selain daripada Majlis Kebangsaan bagi Kanak-kanak, kita juga ada Majlis Perwakilan Kanak-kanak. Majlis Perwakilan Kanak-kanak ini wujud di setiap negeri dan daerah. Mereka adalah kanak-kanak dan kita bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri dan juga di peringkat ibu pejabat. So, dalam konteks ini, ini yang kita nampak dari segi pembangunanlah yang kita nak buat, supaya mereka itu diberikan input-input berkaitan dengan hak mereka sebagai kanak-kanak, kemudian apa yang mereka perlukan. Daripada situ kita dapat inputlah.

So, saya nampak dalam konteks ini penyertaan kanak-kanak itu dalam – bila kita membuat keputusan, itu sangat penting dan juga mereka ini wakil kanak-kanak ini menjadi ahli kepada Majlis Kebangsaan bagi Kanak-kanak yang dipengerusikan oleh YB Menteri. So, itu antara aspek pembangunan yang kita sedang melaksanakan dalam konteks kanak-kanak ini.

**Tuan Chua Choon Hwa:** YB kalau boleh saya tambah sikit. Kenapa YB bila kita cakap tentang pembangunan ini, dia punya skop itu luas dan bermaksud Kementerian Pendidikan – *that is* pembangunan punya *portion*-lah. Tetapi untuk Kementerian Pembangunan Wanita melalui JKM, dia akan lebih kepada pembangunan dari segi – sebenarnya bila kanak-kanak itu diderakah, diabaikan, *dysfunctional of* keluarga itu, pembangunan kita adalah sebenarnya pulih balik *functionality of that* kanak-kanak dengan *family* itu.

---

So, kalau kanak-kanak itu ada menjalankan jenayah, *one of the project* yang kita tengah buat sekarang ini katakan *diversion, kan?* Cara dulu adalah bila kanak-kanak buat jenayah, kita tangkap dia – boleh tangkap masuk dalam mahkamah, masuk penjara *kan*. So, *what we are proposing right now is* kita jangan masuk penjara. Sebab kalau masuk penjara dia belajar dengan orang dewasa dia akan jadi makin jahat. So, bagaimana kita nak keluarkan dia? Kita bagi *intervention programme* dan lepas itu dia bersama keluarga akan semua menuju kepada yang positif. So, *that is the* pembangunan *portion* yang kita cakaplah.

**Dato' Mumtaz binti Md Naw:** *At the moment, at moment-lah.*

**Tuan Pengerusi:** So, yang hala tuju ialah untuk tambah itu Jabatan Kanak-kanak seramai – tambah 965 orang.

**Tuan Chua Choon Hwa:** *Ratio, that is the ratio.*

**Tuan Pengerusi:** *No, no, no.* Dengan pertambahan perjawatan. So, *you want to* tambah *to 965, whole of* Malaysia ataupun macam mana?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** *Whole of Malaysia.*

**Tuan Pengerusi:** *Whole of Malaysia.* So, sekarang adalah 100 lebih sahaja.

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Setakat ini kita ada 145 tahun ini yang kita dapat 41, tetapi ini bukan di bawah – maksudnya kelulusan ini telah diberi terdahulu lagi. So, kita ubah sahaja.

**Tuan Pengerusi:** So, sekarang 141 tetapi...

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Dalam tempoh...

**Tuan Pengerusi:** Dalam tempoh tiga tahun nak tingkatkan kepada 965?

**Tuan Chua Choon Hwa:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Tiga tahun *kan*, agensi *kan?* 2026?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** 965 ini bermula pada tahun 2022. Pengambilan pada tahun 2022 dah mula tetapi S29. Cuma ini 965 ini S29 dengan S41.

**Tuan Pengerusi:** *Okay, you tell me from now until* agensi...

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** 2025.

**Tuan Pengerusi:** Ha, 2025 berapa tambahan?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** 965.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Ya. So, macam mana *you* tambah?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Okey, kita dah tambah – bukan. Maksudnya dia telah mendapat kelulusan daripada MOF sebelum Jabatan Pembangunan Kanak-kanak, kita dapat secara kontrak untuk Pelindung sebab kita macam tidak cukup daripada sebelum ini.

---

**Tuan Pengerusi:** Itu di Bahagian Kanak-kanaklah?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Ya, di Bahagian Kanak-kanak.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang *you* tukar nama sahajalah?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Ya betul.

*[Yang Berhormat Bukit Bendera mengambil tempat di dalam bilik mesyuarat]*

**Tuan Pengerusi:** Tetapi kalau kita memang nak buat satu *like* agensi dia kena pergi 965-lah. Macam mana *you* boleh dapat?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Dengan pertambahan perjawatan kontrak seramai 965 ini, bermakna kita ambil kira daripada yang dah sebelum ini pun, S29.

**Tuan Pengerusi:** *Just 141*-lah?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Ha, ya.

**Puan Hajah Rodziah binti Ismail:** Jadi setakat ini kita nak...

**Tuan Pengerusi:** Sekarang berapa?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Sekarang ini kita ada 448 ya?

**Seorang Ahli:** 466.

**Tuan Pengerusi:** Oh.

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** 466. Sebelum Jabatan Pembangunan Kanak-kanak *plus* dengan jabatan...

**Tuan Pengerusi:** Sekarang sudah ada 466. *So*, tiga tahun lagi pergi 965. Betul ya? Oh, *so you double up only*-lah?

**Puan Hajah Rodziah binti Ismail:** *Target*-lah.

**Tuan Pengerusi:** Ya, *target*. *So*, 965 berapa dari segi emolumen per tahun?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** RM6 juta.

**Tuan Pengerusi:** Tambahan?

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Okey, *not much*.

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** RM6 juta setahun.

**Tuan Pengerusi:** *Not much what*, tidak banyak. *Actually, what you can do the easier way to do it, instead of kita buat perjawatan lah apalah, there is shortcut*-lah.

*[Perbincangan secara tanpa rekod]*

*[Perbincangan secara tanpa rekod]*

**Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...kalau tubuh Yayasan Pembangunan Kanak-kanak, boleh?

**Tuan Pengerusi:** Ha, *something along the way*-lah.

**Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Maknanya sangat sesuai. Sangat sesuai.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Pengerusi, nak tanya.

**Tuan Pengerusi:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Nak tanya, yang 965 itu. Di peringkat negeri macam mana perjawatan itu, berapa bilangan? Takut jadi JPW. JPW *kan* kita tahu dengan kekangan dia itu, masalah. Jabatan Pembangunan Wanita hanya lima, enam orang satu negeri. Akhirnya, nak dapat tambahan susah. Jadi, apabila kita nak buat jabatan baharu, jangan mengulangi kelemahan di Jabatan Pembangunan Wanita. Minta maaf sebab kami duduk dalam dahulu tahu juga cerita ini.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi:** Okey. So, okey ya. Ini kita – saya nak yang ini kita perlu ada satu penyata yang ringkaslah. Lepas itu *recommendation* kita adalah perlu tambah sumber untuk membuat tugasanlah. *No need to say how many. Then just say* perjawatan dari 488 ke 965-lah. Tambah sumberlah. Tambah sumber, mencari jalan, *bla, bla, bla. Recommendation* daripada JKPK-lah. *So, we keep it general. We keep it general for the kementerian. So, the kementerian can push whatever you want to push. We just say you need extra resources.*

**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Yang YB Kak Lah tanya tadi dari segi perjawatan, kita melihat taburan kes sebab kita ada 105 daerah tetapi ada daerah-daerah yang berdasarkan kepada bilangan kes kanak-kanak. Jadi, agihan itu lebih kurang, ada sesetengah daerah, dia tidak dapat untuk fasa yang pertama, contohnya. Dia akan dapat, kita akan tambah berdasarkan kepada apa yang kita ada sahajalah. Jadi, ada sesetengah daerah akan dapat contohnya macam PJ, Johor Bahru. Kes daerah-daerah yang besar itu memang akan dapat dua atau tiga tambahan Pelindung dan Pegawai Akhlak.

**Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** Satu lagi tambahan Yang Berhormat Pengerusi saya cadangkan, kita ada 105 pegawai di daerah. Belum meliputi semua lagi *kan?* Contoh Sabah, Sarawak. Apabila kita turun Sabah, Sarawak, daerah itu terlalu besar dan pegawai kita memang menghadapi sangat cabaran. Satu pegawai itu kena jaga dua, tiga daerah. Mungkin kena tambah lagi, bukan 105 sebab meliputi terutama Sabah dan Sarawak.

---



**Puan Wan Noraidah binti Wan Mohd Zain:** Betul YB, memang ada. Memang banyak isu Sabah Sarawak ini sebab dia Pegawai Kebajikan Masyarakat Bahagian. Bawah bahagian, dia jaga daerah. Daerah-daerah kecil itu dia menjaga dalam – saya rasa empat, lima parlimen. So, memang besarlah.

**Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Puan Hajah Rodziah binti Ismail:** Seperti yang saya cakap tadi, masalah-masalah yang dihadapi itu kena *table*-kan supaya kita tahu. Itu tak masuk lagi Orang Asli, semua kanak-kanak Asli dan sebagainya *kan*. Kita *eliminate* mereka, tak wajar juga sebab kita ada Jabatan Pembangunan Kanak-kanak. Secara keseluruhan kena tengok ya.

**Dato' Siti Zailah binti Mohd Yusoff:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kena tengok semua itu.

**Tuan Pengerusi:** Kita perlu teruskan sebab nanti PM *winding up*, bila ya? Pukul 5 ya? 5.30 or pukul 6?

**Puan Hajah Rodziah binti Ismail:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ini saya rasa boleh habis ini.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.26 petang]***

---